



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# SEKITAR PERPUSTAKAAN

ISSN 0127-1172

BIL. 54

---

## **PENGGUNAAN SUMBER DAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DALAM KALANGAN PENGGUNA**

Adam Zulkarnain Saleng  
Elavarassan a/l Suppiah  
Noor Syahierah Mohamad Rohana  
Mohd Hafiz Salim

## **KEPUASAN BEKERJA DALAM KALANGAN WARGA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

Adam Zulkarnain Saleng  
Elavarassan a/l M. Suppiah  
Noor Syahierah Mohamad Rohana

## **PEMELIHARAAN KOLEKSI PERIBADI SEBAGAI KHAZANAH WARISAN INTELEKTUAL PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

Rabiah Mohd Ali  
Jasreena Jamil  
Adam Zulkarnain Saleng

## **KHAZANAH ILMU YANG TIDAK TERNILAI: KOLEKSI NADIR PERPUSTAKAAN NEGARA**

Junaidah Rosliy

---



# SEKITAR PERPUSTAKAAN



**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

KUALA LUMPUR

2022

---

**Penulisan hendaklah diusulkan kepada /  
*Writing contributions may be forwarded to:***

Ketua Editor / *Chief Editor*,  
Sekitar Perpustakaan,  
Perpustakaan Negara Malaysia,  
232, Jalan Tun Razak,  
50572, Kuala Lumpur.

**Pengedaran oleh / *Distributed by:***

Unit Penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat,  
Perpustakaan Negara Malaysia,  
232, Jalan Tun Razak,  
50572, Kuala Lumpur.  
E-mel: [penerbitan@pnm.gov.my](mailto:penerbitan@pnm.gov.my)

---

## **SIDANG PENGARANG EDITORIAL BOARD**

### **PENASIHAT / ADVISOR**

**Salasiah Abdul Wahab**

Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia  
*Director-General, National Library of Malaysia*

---

### **KETUA EDITOR / CHIEF EDITOR**

**Edy Irwan Zulkafli**

Timbalan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia  
*Deputy Director-General, National Library of Malaysia*

---

### **EDITOR / EDITORS**

**Dr Haslinda Husaini**

*Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana  
Senior Lecturer, Faculty Information Management UiTM Puncak Perdana*

**Anisatul Wahidah Abdul Wahid**

Pengarah Pembangunan Koleksi  
*Director of Collection Development*

**Faizal Hilmie Yusof**

Pengarah Rujukan dan Maklumat  
*Director of Information Reference*

**Ruzilah Ehsan**

Timbalah Pengarah, Pusat Bibliografi Negara  
*Deputy Director, National Bibliography Center*

---

### **PENOLONG EDITOR / ASSISTANT EDITOR**

**Nur Amalina Mohamad**

Pegawai MySTEP, Bahagian Komunikasi Korporat  
*MySTEP Officer, Corporate Communication Department*

**Nur Amirah Anuar**

Penolong Pustakawan, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Asst. Librarian, Corporate Communication Department*

---

### **KOORDINATOR PENERBITAN / PUBLICATIONS COORDINATOR**

**Rowland Arah**

Timbalan Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Deputy Director, Corporate Communication Department*

**Wan Yuhaimisham Wan Yusoff**

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Senior Asst. Director, Corporate Communication Department*

---



©Perpustakaan Negara Malaysia, 2022  
Sekitar Perpustakaan diterbitkan dua kali setahun. Pengarang bertanggungjawab penuh bagi pendapat yang dinyatakan dalam setiap artikel.

Hak cipta terpelihara. Sebarang bentuk penerbitan semula sama ada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

©Perpustakaan Negara Malaysia, 2022

*Sekitar Perpustakaan is published biannually. Authors of the paper are solely responsible for the opinions expressed in each paper wrote.*

*All rights reserved. Any forms of reproduction is prohibited except with the prior written permission from the the Director-General of National Library of Malaysia.*

## KANDUNGAN CONTENT

---

<b>PENGUNAAN SUMBER DAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DALAM KALANGAN PENGGUNA</b>	7
Adam Zulkarnain Saleng Elavarassan a/l Suppiah Noor Syahierah Mohamad Rohana Mohd Hafiz Salim	
<b>KEPUASAN BEKERJA DALAM KALANGAN WARGA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA</b>	25
Adam Zulkarnain Saleng Elavarassan a/l M. Suppiah Noor Syahierah Mohamad Rohana	
<b>PEMELIHARAAN KOLEKSI PERIBADI SEBAGAI KHAZANAH WARISAN INTELEKTUAL PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA</b>	49
Rabiah Mohd Ali Jasreena Jamil Adam Zulkarnain Saleng	
<b>KHAZANAH ILMU YANG TIDAK TERNILAI: KOLEKSI NADIR PERPUSTAKAAN NEGARA</b>	63
Junaidah Rosliy	



# PENGGUNAAN SUMBER DAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DALAM KALANGAN PENGGUNA

Adam Zulkarnain Saleng  
*Penolong Pengarah*  
*Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia*  
*adam@pnm.gov.my*

Elavarassan a/l Suppiah  
*Penolong Pustakawan*  
*Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia*  
*elavarassan@pnm.gov.my*

Noor Syahierah Mohamad Rohana  
*Penolong Pengarah*  
*Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia*  
*syahierah@pnm.gov.my*

Mohd Hafiz Salim  
*Penolong Pengarah*  
*Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa*  
*hafiz\_salim@pnm.gov.my*

---

## Abstrak

*Kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan sumber dan perkhidmatan perpustakaan dalam kalangan pengguna PNM. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti trend semasa penggunaan sumber perpustakaan dalam kalangan pengguna PNM, mengenal pasti tahap keberkesanan dan kualiti perkhidmatan PNM dalam kalangan pengguna PNM dan mengenal pasti tahap kepuasan pengguna PNM berdasarkan sumber yang terdapat di PNM. Pendekatan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan mengedarkan borang soal selidik Google form melalui e-mel responden. Kajian ini melibatkan sebanyak 370 responden dalam kalangan pengguna perkhidmatan PNM. Hasil kajian mendapati sebanyak 63.2% (234) responden pernah/kerap menggunakan sumber dan perkhidmatan PNM secara fizikal di PNM, 40.5% (150) secara dalam talian di rumah, 25.1% (93) secara dalam talian di tempat kerja/organisasi, manakala 17.3% (64) secara dalam talian di sekolah/pusat pengajian dan selebihnya 7.3% (27) secara dalam talian di tempat awam. Tujuan utama responden menggunakan sumber dan perkhidmatan PNM adalah untuk membuat rujukan/penyelidikan/menyiapkan tugas 55.7% (206), membaca buku rujukan 53.5% (198) dan membuat pinjaman, pembaharuan pinjaman dan/atau pemulangan bahan bacaan 43.5% (161). Tahap kesedaran responden terhadap sumber dan perkhidmatan PNM adalah pada tahap amat memuaskan dengan nilai skor min antara 3.67 hingga 4.11. Tahap kepuasan responden juga amat memuaskan dengan nilai skor min 4.01. Bagi meningkatkan sumber dan perkhidmatan, responden berharap*

*agar PNM menyediakan bahan yang terkini 73%, perkhidmatan digital perlu ditingkatkan 70.8% dan mempelbagaikan sumber bacaan yang disediakan kepada pengguna 70.5%. Oleh itu, PNM perlu berusaha untuk melihat dan menilai sumber-sumber bacaan perlu mempunyai banyak pilihan, terkini dan memperbanyakkan lagi kandungan digital agar boleh dicapai dengan mudah dalam talian. Antara cadangan yang disarankan adalah penambahan bahan koleksi yang lebih terkini dan pelbagai, meningkatkan perkhidmatan dan prasarana ICT dan digital, memperluaskan promosi sumber dan perkhidmatan, pembangunan infrastruktur dan penstrukturan bangunan dan menawarkan pinjaman berkelompok kepada perpustakaan keluarga. Sumber dan perkhidmatan yang disediakan mestilah relevan dan mempunyai impak tinggi dalam memupuk budaya ilmu dan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Perkembangan dan ledakan teknologi yang terkini harus ditangani oleh PNM dengan sebaik yang mungkin. Cabaran ini sewajarnya dijadikan satu peluang keemasan untuk PNM untuk terus unggul menerajui bidang kepustakawanan di Malaysia. Melalui hasil dapatan kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan lagi minat pengguna PNM untuk terus menjadikan PNM sebagai hub ilmu dan secara tidak langsung akan dapat meningkatkan minat cintakan ilmu dalam kehidupan seharian.*

**Kata Kunci:** Sumber perpustakaan, Perkhidmatan perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia, PNM, Pengguna perpustakaan

## Pengenalan

Pada tahun 1966, perkhidmatan Perpustakaan Negara telah bermula di bangunan Persekutuan Petaling Jaya. Pada tahun tersebut, Perkhidmatan Perpustakaan Negara sebumbung dengan Arkib Negara Malaysia. Seterusnya perkhidmatan Perpustakaan Negara telah berkembang seperti Bahagian Rujukan telah dibuka kepada orang ramai pada tahun 1972. Perpustakaan Negara kemudian dikenali sebagai Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) selepas menjadi Jabatan Persekutuan pada tahun 1977. Pada tahun 1992, bangunan baharu PNM di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur siap dibina dan perkhidmatan PNM di bangunan baharu mula dibuka kepada orang ramai pada tahun 1993 dikenali sebagai Bangunan Anjung Bestari dan sebagai tambahan bangunan setinggi 15 tingkat siap dibina pada tahun 2010 bagi menampung perkhidmatan PNM yang semakin berkembang dikenali sebagai Menara PNM.

Sebagai sebuah institusi Kerajaan Persekutuan, PNM sentiasa berperanan dalam usaha memperoleh dan mengekalkan sumber perpustakaan yang lengkap di peringkat kebangsaan serta menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat, perujukan, reprografi dan peminjaman kepada pengguna. PNM dilihat berusaha membangunkan sumber bahan dan perkhidmatan berkualiti meliputi seluruh masyarakat mengikut perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta membangunkan prasarana perpustakaan di seluruh negara. Merujuk kepada Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2019-2023, visi dan hala tuju PNM dengan tumpuan kepada enam teras strategik yang disesuaikan dengan falsafah, teori dan amalan terbaik yang mendasari pernyataan hukum kelima (Five Laws of Library Science iaitu *A Library is a growing organism*). Misi PNM pula, adalah untuk memperkukuh perpustakaan dan perkhidmatan maklumat berkualiti tinggi dan melindungi khazanah intelektual negara untuk membentuk masyarakat berpengetahuan. PNM juga menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk mencapai misi yang telah ditetapkan iaitu perkhidmatan rujukan, pinjaman, sumber elektronik dan sudut maklumat untuk orang kurang upaya.

Perkhidmatan PNM bukan sahaja mencakupi perkhidmatan yang ada di PNM malah menyeluruh ke seluruh negara di mana penubuhan Perpustakaan Desa (PD) bagi memberi perkhidmatan kepada masyarakat luar

bandar. Sehingga tahun 2021, sebanyak 507 buah PD telah dibina di bawah PNM. Perkhidmatan PD dan usahasama dengan perpustakaan-perpustakaan lain seperti Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Khusus Gunasama menerusi perkhidmatan u-Pustaka dapat memenuhi kehendak pengguna pada masa kini. Kelestarian perpustakaan sebagai enjin carian maklumat melalui perkhidmatan u-Pustaka sebagai hab maklumat negara sentiasa berkembang dan menyediakan maklumat digital yang boleh diakses bila-bila masa, secara percuma, mudah dan pantas.

## Latar Belakang Kajian

PNM berperanan sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyediakan sumber bahan bacaan dan perkhidmatan melalui proses memperoleh dan menyelenggara koleksi sumber perpustakaan yang lengkap di peringkat kebangsaan. Selain itu, PNM juga bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat, perujukan, reprografi dan peminjaman. Misi PNM adalah untuk memperkasa perkhidmatan perpustakaan dan maklumat yang berkualiti serta memelihara khazanah intelek negara bagi membentuk masyarakat yang berilmu. Justeru itu, pelbagai sumber dan perkhidmatan telah disediakan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Sumber bahan yang disediakan adalah seperti koleksi buku, terbitan bersiri, kertas persidangan, suratkhobar, manuskrip dan banyak lagi. PNM juga menyediakan pelbagai perkhidmatan bagi mencapai misi yang telah ditetapkan seperti perkhidmatan rujukan, pinjaman, sumber elektronik, sudut maklumat OKU dan lain-lain perkhidmatan.

Semua koleksi dan perkhidmatan yang disediakan adalah bertujuan untuk memastikan pengguna dapat memperoleh maklumat yang diperlukan dengan cepat dan mudah serta dapat menarik minat lebih ramai masyarakat untuk membaca. Koohong dan Byrd (1987) menjelaskan bahawa penggunaan kemudahan di perpustakaan amat luas dan pelbagai dan menjadi semakin penting dalam evolusi automasi perpustakaan. Selaras dengan objektif penubuhan PNM, agenda masyarakat membaca dilihat sebagai satu keutamaan. Pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan berpengetahuan aras tinggi di mana amalan membaca dijadikan sebagai budaya dalam kehidupan seperti penganjuran program-program galakan membaca seluruh negara dan acara keilmuan secara berterusan.

Sumber bahan bacaan yang disediakan seperti bahan monograf, majalah, jurnal, laporan dan bahan-bahan fizikal lain boleh didapati di perpustakaan. Bahan digital juga disediakan di mana jumlah sumber digital yang disediakan kepada pengguna melalui Portal u-Pustaka adalah sebanyak 52.9 juta kandungan dan akan meningkat dari tahun ke tahun bergantung kepada penggunaannya. Siti Adnon Abd. Wahid (2008) menyatakan bahawa penggunaan sumber rujukan media elektronik berhubungkait dengan tahap keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan. Selain daripada sumber bahan, perkhidmatan lain juga ada disediakan oleh PNM seperti pinjaman, rujukan bahan, pertanyaan rujukan, kemudahan fasiliti di PNM dan banyak lagi bagi memudahkan dan keselesaan pengguna. Peningkatan penggunaan sumber dan perkhidmatan PNM juga dapat dilihat dalam Jadual 1 yang menunjukkan data statistik perkhidmatan PNM tahun 2019 dan 2020. Jumlah pengguna 23% pada tahun 2020 berbanding penggunaan tahun 2019. Begitu juga dengan jumlah bahan dirujuk meningkat sebanyak 34.2%, jumlah peminjaman bahan 5.7%. Peningkatan ini disumbangkan oleh penggunaan bahan dalam talian (digital) yang disediakan oleh PNM.

Jadual 1: Statistik Perkhidmatan PNM 2019 dan 2020

Bil.	Parameter	2019	2020
1.	Jumlah Pengguna	11,193,488	13,768,799
2.	Jumlah Bahan Dirujuk	1,276,586	1,713,664
3.	Jumlah Peminjaman Bahan	544,374	575,539
4.	Jumlah Koleksi Baharu	220,274	213,304

(Sumber: Perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia 2020)



## Penyataan Masalah

Pelbagai sumber dan perkhidmatan perpustakaan telah disediakan kepada pengguna PNM, namun kajian terkini yang dijalankan untuk mengkaji sejauh mana penggunaan sumber dan perkhidmatan tersebut memberi impak kepada pengguna PNM masih belum dilaksanakan. Berdasarkan kepada statistik PNM, pengguna fizikal PNM telah meningkat sebanyak 5.8% pada tahun 2019 (11,193,488 pengguna) berbanding tahun 2018 (10,577,557 pengguna). Ini menunjukkan semakin ramai pengguna menggunakan sumber dan perkhidmatan di PNM sama ada secara fizikal ataupun dalam talian (maya). Storey (2007) menyatakan bahawa perubahan citarasa dan kehendak pengguna telah memberi cabaran baru kepada perpustakaan. Kepentingan sumber terkini dan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan secara efisien memainkan peranan yang amat penting bagi menarik minat masyarakat dan haruslah menepati kehendak pengguna. Oleh itu, semua koleksi dan kualiti perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna wajar dikaji dari semasa ke semasa yang juga penting dalam usaha memastikan pengguna boleh mendapatkan maklumat yang diperlukan dan menarik lebih ramai orang untuk membaca. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap penggunaan dan kepuasan pengguna PNM melalui sumber dan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM. Kajian ini juga akan mendapatkan pandangan pengguna terhadap sumber dan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM bagi mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan. Kajian ini sangat relevan untuk mengkaji tahap penggunaan sumber dan perkhidmatan perpustakaan oleh pengguna PNM dalam usaha memberikan servis perkhidmatan yang terbaik yang memenuhi kehendak pengguna.

## Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- i. Mengetahui trend semasa penggunaan sumber perpustakaan dalam kalangan pengguna PNM.
- ii. Mengetahui tahap keberkesanan dan kualiti perkhidmatan PNM dalam kalangan pengguna PNM.
- iii. Mengetahui tahap kepuasan pengguna PNM berdasarkan sumber yang terdapat di PNM.

## Soalan Kajian

- i. Adakah trend semasa penggunaan sumber perpustakaan yang digunakan oleh pengguna PNM?
- ii. Sejauh manakah tahap keberkesanan kualiti perkhidmatan PNM yang diperolehi oleh pengguna PNM?
- iii. Sejauh manakah tahap kepuasan pengguna PNM berdasarkan sumber yang terdapat di PNM?

## Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini dilaksanakan adalah seperti senarai berikut:

- i. Menyediakan hasil kajian terhadap keperluan sumber dan perkhidmatan PNM untuk pengguna agar terus dilaksanakan serta ditambahbaik dari semasa ke semasa.
- ii. Membantu pihak PNM untuk menyediakan sumber dan perkhidmatan yang bersesuaian dan berkualiti untuk pengguna.
- iii. Mendapatkan cadangan dan maklum balas daripada pengguna PNM berkaitan sumber dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak PNM.

## Kajian Literatur

Zaiton at. al. (1998) mendapati bahawa perlu difahami maksud kualiti daripada empat perspektif utama iaitu (i) kemudahan akses kepada koleksi perpustakaan (ii) perkhidmatan yang cepat, cekap dan sopan, (iii) memenuhi keperluan atau keperluan pengguna (iv) Kemudahan dan persekitaran yang membolehkan. Totterdell, Gill, dan Hornsey (2005) menegaskan bahawa bagi setiap perkhidmatan perpustakaan, kualiti boleh dibahagikan kepada dua asas utama, iaitu (i) kualiti dan komitmen kakitangan dan (ii) sokongan dan sumber yang disediakan. Nitecki (1996) menegaskan bahawa kualiti perkhidmatan perpustakaan adalah jumlah sebenar perbezaan antara jangkaan dan persepsi pelanggan, berdasarkan istilah yang ditubuhkan oleh Parasuraman dan rakan-rakan (1985). Baroudi dan Orilowski (1988) percaya bahawa berbanding dengan jangkaan, ciri-ciri yang digunakan untuk mengukur pencapaian perpustakaan termasuk maklumat yang tepat, lengkap, terkini, ringkas, relevan dan boleh dipercayai.

Kajian jurnal Shahril Effendi Ibrahim, (2011) bertajuk “Amalan-Amalan Terbaik Perpustakaan Open University Malaysia Dalam Menyediakan Perkhidmatan Kepada Pelajar Jarak Jauh (Odl) Tanpa Kos Tambahan” membincangkan inisiatif yang diambil oleh Perpustakaan Digital Universiti Terbuka Malaysia (OUM) Tan Sri Abdullah Sanusi dalam menyediakan dan mempromosikan perkhidmatan perpustakaan untuk pelajar jarak jauh secara percuma. Inisiatifnya termasuk menyesuaikan diri dengan Web 2.0, seperti Facebook dan blog, dan menggunakan sepenuhnya perisian sumber terbuka seperti Drupal dan e-Prints. Terdapat juga perbincangan antara pelbagai jabatan dalam universiti, iaitu Pusat Reka Bentuk dan Teknologi Pengajaran (CiDT) dalam menyediakan pelbagai media seperti radio Internet (i-Radio) dan YouTube untuk menggalakkan kerjasama dalam perkhidmatan perpustakaan. Dapatan kajian menunjukkan usaha Perpustakaan OUM yang telah meningkatkan perkhidmatannya kepada perkhidmatan yang cemerlang dan mesra pengguna serta berjaya menyatukan gap antara pelajar dan perpustakaan tersebut. Hal ini juga disokong oleh Zulkefli Mohd Yusop (2011), Mahbob Yusof (2011) dan Mohd Ismail Abidin (2013) mendapati bahawa aplikasi, perkhidmatan, dan sumber perpustakaan berpotensi untuk berkembang ke tahap yang lebih baik. Hasil interaksi tersebut perpustakaan mengorak langkah ke hadapan dalam memajukan perkhidmatannya melalui inovasi sumber dan perkhidmatan digitalnya untuk mengembangkan lagi akses, fungsi dan keberkesannya.

Kertas Kerja yang dibentangkan oleh Juhana Salim (2009) bertajuk “Tren Teknologi Dan Cabaran Masa Kini Kepada Perpustakaan” membincangkan segala perkembangan teknologi dan maklumat daripada tahun 1960an sehinggalah kini yang memberikan dampak kepada perpustakaan dan kemudahan yang disediakan kepada pengguna. Hal ini termasuklah peralihan pembacaan buku secara fizikal kepada sumber bahan digital yang memberi cabaran kepada perpustakaan dalam menyediakan bahan bacaan secara digital. Selain itu, cabaran perkembangan sistem global seperti perkhidmatan berita global, sistem mel global, GPS, Internet yang memerlukan inisiatif perpustakaan dalam membangunkan sistem global tersebut kerana perpustakaan mempunyai tanggungjawab dalam mengarkib dan menyediakan perkhidmatan maklumat asas yang terbaru untuk diakses oleh pengguna. Oleh itu, beberapa cadangan diberikan kepada perpustakaan seperti pengenalan sistem gateway serta memantapkan serta membangunkan lagi sistem repositori agar berguna kepada pengguna dalam pencarian bahan khasnya bahan ilmiah berbentuk digital.

Jasreena Jamil, Adam Zulkarnain Saleng dan Ema Eryanty Abdul Manaf (2021) ada membincangkan mengenai perkhidmatan rujukan Malaysiana merangkumi Koleksi Monograf; Koleksi Bersiri termasuk siri akhbar dalam format mikrofilem dan mikrofilm; Koleksi Khas merangkumi Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi, Koleksi Fana, Arkib PNM, Peta dan Koleksi Terperingkat. Dalam usaha memperkenalkan Koleksi Malaysiana kepada pengguna dari dalam dan luar negara, PNM telah membangunkan Sistem My Repositori Digital PNM yang menghimpunkan Koleksi Malaysiana yang mudah diakses, mempromosikannya secara berterusan, menyediakan sudut khas seperti Sudut Biblioterapi, menjalankan program/aktiviti yang berkaitan dengan koleksi Malaysiana, seminar khas, mencipta Koleksi foto digital, dan membuat pengesanan Koleksi Malaysiana (manuskrip) dibawa pulang ke Malaysia dari luar negara.

Anis Mat Saad (2021) dan Mohamad Fadzili Baharin (2020) membincangkan kerelevanan perkhidmatan perpustakaan semasa negara sedang dilanda wabak COVID-19 sehingga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara. Peluang keemasan ini diambil oleh PNM dalam mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti promosi pemasaran perkhidmatan perpustakaan secara digital seperti medium Web 2.0 (Facebook, Youtube, Blog, Twitter, Flickr, Podcast dan Instagram) memandangkan masyarakat ketika itu kerap menggunakan media digital akibat kekangan penjarakan sosial.

## Kaedah Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dengan tujuan untuk mengenal pasti objektif kajian. Kutipan data dikutip menggunakan borang soal selidik yang diedarkan melalui e-mel kepada lebih kurang 10,000 populasi pengguna yang berdaftar dan pernah menggunakan sumber dan perkhidmatan PNM yang diperoleh daripada Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan (BRSP). Memandangkan pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia dan Malaysia tidak lari daripada kesan pandemik, seluruh sektor termasuk perpustakaan telah ditutup kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Justeru, kutipan data secara fizikal tidak boleh dilaksanakan. Oleh itu, edaran borang soal selidik dilaksanakan melalui borang dalam talian (Google Form) kepada 10,000 populasi pengguna PNM.

Sampel kajian ditentukan dengan menggunakan persampelan Raosoft (2009) di mana jumlah populasi sebanyak 10,000 yang diperoleh daripada jumlah e-mel ahli berdaftar PNM memerlukan sekurang-kurangnya 370 sampel dan jika menggunakan jadual Krejcie and Morgan (1970) sampel yang diperlukan adalah sebanyak 370 sampel juga. Kajian yang dilakukan Raosoft terhadap 10,000 sampel tersebut iaitu setelah mengambil kira pencapaian sehingga 95% paras kejituan dan 5% kesilapan (Curtis, 2011), maka bilangan responden yang diperlukan dalam kajian adalah seramai 370 orang.

## Instrumen Kajian: Borang Soal Selidik

Borang soal selidik ini terbahagi kepada lima (5) bahagian utama iaitu Bahagian A: maklumat demografi responden, Bahagian B: mengenai kesedaran kewujudan sumber dan perkhidmatan PNM, Bahagian C: keberkesanan sumber dan perkhidmatan PNM, Bahagian D: masalah dan halangan dan Bahagian E: cadangan dan pandangan pengguna berkaitan sumber dan perkhidmatan PNM.

Jadual 2: Struktur Kandungan Borang Soal Selidik

Bil.	Bahagian	Perkara
1.	Bahagian A	Demografi Responden
2.	Bahagian B	Kesedaran Kewujudan Sumber dan Perkhidmatan PNM
3.	Bahagian C	Keberkesanan Sumber dan Perkhidmatan PNM
4.	Bahagian D	Masalah dan Halangan
5.	Bahagian E	Cadangan dan Pandangan Pengguna

## Tempoh Kajian

Proses kutipan data telah dijalankan selama enam (6) bulan iaitu bermula pada 1 Mac hingga 31 Ogos 2021. Daripada edaran tersebut, seramai 306 responden yang telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan melalui e-mel pengguna berdaftar. Walau bagaimanapun, jumlah responden masih tidak mencukupi jika dibandingkan dengan populasi kajian. Justeru, proses kutipan data diteruskan bermula pada 24 Disember 2021 hingga 31 Disember 2021 selama dua minggu bagi mendapatkan minimum data yang diperlukan sesebuah kajian berdasarkan jumlah yang diperlukan dengan menggunakan perisian Raosoft (2009) dan jadual krejcie dan Mogan (1970) iaitu sekurang-kurangnya 370 responden.

## Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis data yang telah dijalankan daripada maklum balas 370 responden, sebanyak 41.1% (152) responden adalah lelaki dan 58.9% (218) responden perempuan. Taburan responden berdasarkan bangsa menunjukkan responden berbangsa Melayu 63.5% (235), Cina sebanyak 21.9% (81), India 6.2% (23), Bumiputra Sabah/Sarawak 7.6% (28) dan lain-lain hanya 0.8% (3). Bagi kumpulan umur responden pula, kumpulan umur 31 - 40 tahun adalah kumpulan umur terbesar iaitu mewakili sebanyak 33.8% (125), diikuti kumpulan umur 41 – 50 tahun dengan peratusan sebanyak 23.2% (86), seterusnya kumpulan umur 21-30 tahun adalah sebanyak 23% (85), 51 tahun ke atas sebanyak 9.5% (39) dan kumpulan umur 13-20 tahun sebanyak 9.5% (35).

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan hampir sebahagian responden yang melibatkan pekerjaan dari sektor kerajaan sebanyak 41.1% (152) diikuti sebanyak 24.6% (91) adalah kakitangan swasta. Seterusnya sebanyak 16.2% (60) adalah pelajar, 7.3% (27) bekerja sendiri/majikan, 4.9% (18) tidak bekerja, 4.3% (16) melibatkan suri rumah, dan 1.6 % (6) adalah pesara. Kelayakan akademik responden pula mendapati Ijazah Sarjana Muda mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 47.3% (175). Kelayakan Ijazah Lanjutan (Sarjana/PhD) pula mencatatkan peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 14.9% (55) diikuti kelayakan SPM/MCE/SPM9V)/SG/GCE O Level sebanyak 15.7% (58). Manakala kelayakan Diploma adalah sebanyak 12.2% (45), berkelayakan STPM/HSC/STA 4.1% (15), PT3/PMR/SRP/LCE 2.7% (10), sebanyak 1.4% (5) berkelayakan Sijil, 1.1% (4) berkelulusan ASASI dan 0.5% (2) UPSR. Jadual 3 menunjukkan demografi responden secara menyeluruh.

Jadual 3: Demografi Responden


Bil.	Profil Demografi	(n=370)	Peratus (%)
1.	<b>Jantina</b>		
	Lelaki	152	41.4
	Perempuan	218	58.9
2.	<b>Bangsa</b>		
	Melayu	235	63.5
	Cina	81	21.9
	India	23	6.2
	Bumiputra Sabah/Sarawak	28	7.6
	Lain-lain	3	0.8
3.	<b>Umur (tahun)</b>		
	13-20	39	10.5
	21-30	85	23
	31-40	125	33.8
	41-50	86	23.2
	51 dan ke atas	35	9.5
4.	<b>Pekerjaan</b>		
	Kerajaan	152	41.1
	Swasta	91	24.6
	Bekerja Sendiri/Majikan	27	7.3
	Pesara	6	1.6
	Suri Rumah	16	4.3

Bil.	Profil Demografi	(n=370)	Peratus (%)
	Tidak Bekerja	18	4.9
	Pelajar	60	16.2
5.	<b>Pendidikan</b>		
	UPSR	2	0.5
	PT3/PMR/SRP/LCE	10	2.7
	SPM/MCE/SPMV/SG/GCE	58	15.7
	Asasi	4	1.1
	STPM	15	4.1
	Sijil	5	1.4
	Diploma	45	12.2
	Ijazah Sarjana Muda	175	47.3
	Ijazah Lanjutan	55	14.9

## Trend Semasa Penggunaan Sumber dan Perkhidmatan PNM


### i. Kesedaran Kewujudan Sumber dan Perkhidmatan PNM

Bagi mengenal pasti tahap kesedaran pengguna PNM terhadap kewujudan sumber dan perkhidmatan PNM, beberapa soalan telah disediakan dalam kaji selidik. Hasil dapatan menunjukkan majoriti responden telah mendaftar keahlian PNM iaitu sebanyak 67% (248) yang menjawab Ya dan 33% (122) menjawab Tidak.



Rajah 1: Keahlian PNM Responden

Bagi melihat maklum balas responden jika mereka pernah mengunjungi PNM pula sebanyak 83.5% (309) menjawab Ya dan 16.5% (61) menjawab Tidak.



Rajah 2: Pernah Mengunjungi PNM

## ii. Lokasi Menggunakan Sumber dan Perkhidmatan PNM

Kekerapan responden mengunjungi PNM dalam sebulan pula menunjukkan 42.2% (156) memilih satu kali, 21.9% (81) memilih tidak pernah mengunjungi PNM, 21.6% (80) sebanyak 2-4 kali, 9.7% (36) lebih 10 kali, 3.8% (14) sebanyak 5-7 kali, dan 0.8% (3) sebanyak 8-10 kali. Selain itu, sebanyak 63.2% (234) responden pernah/kerap menggunakan sumber dan perkhidmatan PNM secara fizikal di PNM, 40.5% (150) secara dalam talian di rumah, 25.1% (93) secara dalam talian di tempat kerja/organisasi, manakala 17.3% (64) secara dalam talian di sekolah/pusat pengajian dan selebihnya 7.3% (27) secara dalam talian di tempat awam.

Jadual 4: Lokasi Responden Menggunakan Sumber dan Perkhidmatan PNM

Bil.	Saya pernah/kerap menggunakan sumber di...	Jumlah	Peratus %
1.	Secara fizikal di PNM	234	63.2
2.	Secara dalam talian di sekolah/pusat pengajian	64	17.3
3.	Secara dalam talian di rumah	150	40.5
4.	Secara dalam talian di tempat kerja/organisasi	93	25.1
5.	Secara dalam talian di tempat awam (hospital/masjid/pusat membeli belah dll)	27	7.3

## iii. Tujuan Responden Menggunakan Sumber dan Perkhidmatan PNM

Tujuan utama responden menggunakan sumber dan perkhidmatan PNM adalah untuk membuat rujukan/penyelidikan/menyiapkan tugas 55.7% (206), kedua membaca buku rujukan 53.5% (198), dan ketiga membuat pinjaman, pembaharuan pinjaman dan/atau pemulangan bahan bacaan 43.5% (161), keempat membaca bahan bacaan ringan (majalah/surat khabar) 32.7% (121), kelima menggunakan kemudahan ICT 13.5% (50), keenam urusan rasmi 13.2% (49), ketujuh mengadakan perbincangan/mesyuarat/program/aktiviti 12.4% (46) dan kelapan berjumpa kawan/tempat bertemu sebanyak 10.3% (38).



Jadual 5: Tujuan Responden Menggunakan Sumber dan Perkhidmatan PNM

Bil.	Tujuan utama menggunakan sumber dan perkhidmatan PNM	Jumlah	Peratus %
1.	Membaca buku rujukan	198	53.5
2.	Membaca bahan bacaan ringan (majalah/surat khabar)	121	32.7
3.	Membuat pinjaman, pembaharuan pinjaman dan/atau pemulangan bahan bacaan	161	43.5
4.	Membuat rujukan/penyelidikan/menyiapkan tugas	206	55.7
5.	Menggunakan kemudahan ICT	50	13.5
6.	Mengadakan perbincangan/mesyuarat/program/aktiviti	46	12.4
7.	Urusan rasmi	49	13.2
8.	Berjumpa kawan/tempat bertemu	38	10.3

#### iv. Mengetahui Sumber dan Perkhidmatan PNM

Responden mengetahui sumber dan perkhidmatan PNM melalui pelbagai medium. Medium tertinggi adalah melalui laman web rasmi PNM iaitu sebanyak 49.7% (184), diikuti sebanyak 45.9% (170) melalui orang lain (guru, saudara mara, rakan dll), 44.9% (166) melalui saluran Internet/Media sosial (Blog, Facebook, Instagram, Twitter, Tiktok dan YouTube), 17.6% (65) Bengkel/Kursus/Seminar/Konvensyen, 16.2% (60) Surat Khabar/Majalah, 13.8% (51) Radio/Televisyen, 13% (48) Bunting/Banner/Poster, 12.7% (47) Risalah/Brosur/Buku Kecil, 12.2% (45) Lagu Membaca Gaya Wawasan/Budaya Membaca, 9.2% (34) Barangan/Cenderahati (Pen, Button Badge, Beg dll.), 8.1% (30) Ikon/Personaliti Membaca dan diikuti sebanyak 6.2% (23) bagi kategori Billboard.

Jadual 6: Responden Mengetahui Sumber dan Perkhidmatan PNM Melalui....

Bil.	Saya mengetahui sumber dan perkhidmatan PNM melalui	Jumlah	Peratus %
1.	Barangan/Cenderahati (Pen, Button Badge, Beg dll.)	34	9.2
2.	Billboard	23	6.2
3.	Bunting/Banner/Poster	48	13
4.	Ikon/Personaliti Membaca	30	8.1
5.	Lagu Membaca Gaya Wawasan/Budaya Membaca	45	12.2
6.	Radio/Televisyen	51	13.8
7.	Internet/Media sosial (Blog, Facebook, Instagram, Twitter, Tik Tok dan YouTube)	166	44.9
8.	Laman web rasmi PNM	184	49.7
9.	Risalah/Brosur/Buku Kecil	47	12.7
10.	Surat khabar/Majalah	60	16.2
11.	Bengkel/Kursus/Seminar/Konvensyen	65	17.6
12.	Orang lain (Guru, saudara mara, rakan dll.)	170	45.9

## v. Sumber dan Perkhidmatan PNM yang digunakan

Sumber PNM yang sering digunakan oleh responden melibatkan sebanyak 77.3% (286) untuk buku rujukan, 54.9% (203) bahan Digital (e-buku, e-jurnal, e-majalah dll), 35.4% (131) surat khabar/majalah dan 11.4% (42) bahan Elektronik (kaset, CD, DVD dll.). Manakala bagi perkhidmatan PNM yang digunakan responden adalah sebanyak 57% (211) bagi Pinjaman Dewasa dan Kanak-Kanak, 51.1% (189) bagi Perkhidmatan Rujukan, 26.8% (99) OPAC, 25.7% (95) bagi Internet/Wifi, 23.5% (87) Pangkalan data u-Pustaka, 17% (63) bagi tujuan fotostat, 16.2% (60) bagi penggunaan komputer/Ipad, 12.7% (47) Kiosk Layan Diri, 11.6% (43) Perkhidmatan Kepada Penerbit (ISBN/ISSN/CIP), 9.2% (34) Bilik Karel/ Tayangan /Pandang Dengar/ Perbincangan, 8.4% (31) bagi Gelongsor Buku dan 8.1% (30) bagi menggunakan Sistem MyRepository.

Jadual 7: Sumber dan Perkhidmatan PNM yang digunakan Responden

Bil.	Sumber dan perkhidmatan PNM yang digunakan	Jumlah	Peratus %
1.	<b>Sumber</b>		
	Buku Rujukan	286	77.3
	Surat Khabar/Majalah	131	35.4
	Bahan Elektronik (kaset, CD, DVD dll)	42	11.4
	Bahan Digital (e-buku, e-jurnal, e-majalah dll)	203	54.9
2.	<b>Perkhidmatan</b>		
	Pinjaman Dewasa dan Kanak-Kanak	211	57
	Perkhidmatan Rujukan	189	51.1
	Gelongsor Buku	31	8.4
	Bilik Karel/ Tayangan /Pandang Dengar/ Perbincangan	34	9.2
	Sudut Maklumat OKU	8	2.2
	Komputer/ipad	60	16.2
	Internet/Wifi	95	25.7
	OPAC	99	26.8
	Kiosk Layan Diri	47	12.7
	Fotostat	63	17.0
	Perkhidmatan Kepada Penerbit (ISBN/ISSN/CIP)	43	11.6
	Sistem Pembekalan Penerbitan	24	6.5
	Khidmat Nasihat dan Perundingan Perpustakaan	29	7.8
	Pangkalan Data u-Pustaka	87	23.5
	Sistem MyRepository	30	8.1

## Keberkesanan Sumber dan Perkhidmatan PNM

Bagi mendapatkan hasil dapatan melalui maklum balas responden berkaitan keberkesanan sumber dan perkhidmatan PNM yang ditawarkan kepada pengguna, penggunaan skor min digunakan bagi menentukan bahawa keberkesanan tersebut pada tahap kurang memuaskan, memuaskan atau sangat memuaskan. Jadual 8 adalah skala skor min dan interpretasi yang digunakan dalam soalan soal selidik.

Jadual 8: Skala Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi Skor Min	
1.00 hingga 2.33	Rendah	Kurang Memuaskan
2.34 hingga 3.66	Sederhana	Memuaskan
3.67 hingga 5.00	Tinggi	Sangat Memuaskan

Hasil dapatan yang diperoleh bagi kategori sumber yang disediakan PNM, buku rujukan, surat khabar/majalah dan bahan digital (e-buku, e-jurnal, e-majalah dll.) mendapat interpretasi skor min tinggi/sangat memuaskan dengan nilai skor diantar 3.92-3.98. Manakala bagi sumber Bahan Elektronik (kaset, CD, DVD dll.) mencapai interpretasi skor min sederhana/memuaskan dengan nilai skor 3.59. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh penutupan perkhidmatan sumber elektronik bagi memberi laluan kepada projek pemusatan di bangunan Anjung Bestari PNM yang sedang berjalan.

Manakala bagi kategori perkhidmatan yang disediakan PNM pula Pinjaman Dewasa dan Kanak-Kanak, Perkhidmatan Rujukan, Gelongsor Buku, Internet/Wifi, OPAC, Kiosk Layan Diri, Khidmat Nasihat & Perundingan Perpustakaan dan Pangkalan Data u-Pustaka mencapai interpretasi skor min tinggi/sangat memuaskan. Manakala perkhidmatan Bilik Karel/ Tayangan /Pandang Dengar/ Perbincangan, Sudut Maklumat OKU, Perkhidmatan Kepada Penerbit (ISBN/ISSN/CIP) dan Sistem Pembekalan Penerbitan mendapat interpretasi skor min sederhana/memuaskan. Jadual 9 menunjukkan tahap keberkesanan terhadap sumber dan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM.

Jadual 9: Tahap Keberkesanan Terhadap Sumber dan Perkhidmatan yang Disediakan

Bil.	Tahap keberkesanan terhadap sumber dan perkhidmatan yang disediakan di PNM	Min.	Standard Deviation	Interpretasi min	
1.	<b>Sumber</b>				
	Buku Rujukan	3.98	0.928	Tinggi	Sangat Memuaskan
	Surat Khabar/Majalah	3.92	0.916	Tinggi	Sangat Memuaskan
	Bahan Elektronik (kaset, CD, DVD dll)	3.59	0.923	Sederhana	Memuaskan
	Bahan Digital (e-buku, e-jurnal, e-majalah dll)	3.71	1.009	Tinggi	Sangat Memuaskan
2.	<b>Perkhidmatan</b>				
	Pinjaman Dewasa dan Kanak-Kanak	3.95	0.946	Tinggi	Sangat Memuaskan
	Perkhidmatan Rujukan	3.92	0.923	Tinggi	Sangat Memuaskan
	Gelongsor Buku	3.73	0.892	Tinggi	Sangat Memuaskan
	Bilik Karel/ Tayangan /Pandang Dengar/ Perbincangan	3.63	0.893	Sederhana	Memuaskan
	Sudut Maklumat OKU	3.59	0.872	Sederhana	Memuaskan
	Komputer/ipad	3.62	0.951	Sederhana	Memuaskan
	Internet/Wifi	3.75	0.982	Tinggi	Sangat Memuaskan
	OPAC	3.75	0.919	Tinggi	Sangat Memuaskan
	Kiosk Layan Diri	3.78	0.907	Tinggi	Sangat Memuaskan
	Fotostat	3.60	0.922	Sederhana	Memuaskan

Bil.	Tahap keberkesanan terhadap sumber dan perkhidmatan yang disediakan di PNM	Min.	Standard Deviation	Interpretasi min	
	Perkhidmatan Kepada Penerbit (ISBN/ISSN/CIP)	3.66	0.906	Sederhana	Memuaskan
	Sistem Pembekalan Penerbitan	3.61	0.899	Sederhana	Memuaskan
	Khidmat Nasihat dan Perundingan Perpustakaan	3.71	0.929	Tinggi	Sangat Memuaskan
	Pangkalan Data u-Pustaka	3.73	0.917	Tinggi	Sangat Memuaskan
	Sistem MyRepository	3.61	0.899	Tinggi	Sangat Memuaskan

## Kepuasan Terhadap Sumber dan Perkhidmatan PNM

Tahap kepuasan responden terhadap sumber dan perkhidmatan yang disediakan di PNM mendapat interpretasi skor min tinggi/sangat memuaskan bagi faktor menarik, mempunyai banyak pilihan, mengikut peredaran masa/terkini, mesra pengguna, mudah diperoleh/dicapai, memberi manfaat, menimbulkan minat membaca dan mendapat sambutan. Manakala faktor telah dipromosikan secara meluas/diketahui umum dan perkhidmatan memenuhi keperluan ICT semasa mencapai interpretasi skor min sederhana/memuaskan. Responden memilih sangat memuaskan bagi menyatakan bahawa sumber dan perkhidmatan yang disediakan adalah menarik, mempunyai banyak pilihan, mengikut peredaran zaman, mesra pengguna, mudah diperoleh/dicapai, memberi manfaat, menimbulkan minat membaca dan mendapat sambutan. Manakala bagi perkara telah dipromosikan secara meluas/diketahui umum dan perkhidmatan memenuhi keperluan ICT semasa pada tahap memuaskan. Secara keseluruhan sumber dan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM pada tahap sangat memuaskan dan responden amat berpuas hati dengan nilai skor min 4.01. Jadual 10 menunjukkan skor min pada setiap soalan yang diajukan kepada responden.

Jadual 10: Tahap Kepuasan Responden Terhadap Sumber dan Perkhidmatan

Bil.	Tahap kepuasan anda terhadap sumber dan perkhidmatan yang disediakan di PNM?	Min.	Standard Deviation	Interpretasi min
1.	Menarik	3.93	0.954	Sangat Memuaskan
2.	Mempunyai banyak pilihan	3.86	1.041	Sangat Memuaskan
3.	Mengikut peredaran masa/terkini	3.71	1.103	Sangat Memuaskan
4.	Mesra pengguna	3.92	1.004	Sangat Memuaskan
5.	Mudah diperoleh/dicapai	3.84	1.048	Sangat Memuaskan
6.	Memberi manfaat	4.11	0.884	Sangat Memuaskan
7.	Menimbulkan minat membaca	4.04	0.966	Sangat Memuaskan
8.	Mendapat sambutan	3.72	1.037	Sangat memuaskan
9.	Telah dipromosikan secara meluas/diketahui umum	3.50	1.194	Memuaskan
10.	Perkhidmatan memenuhi keperluan ICT semasa	3.64	1.117	Memuaskan

Hasil soal selidik daripada 370 responden berkaitan perkara yang boleh meningkatkan kualiti sumber dan perkhidmatan PNM mendapati sebanyak 74.2% (227) memilih agar PNM menyediakan bahan yang terkini, 72.9% (223) tingkatkan perkhidmatan digital (e-buku, e-majalah, e-jurnal dll), 71.2% (218) pelbagaikan

sumber bacaan, 59.8% (183) tingkatkan prasarana ICT yang terkini, 58% (179) tingkatkan promosi sumber dan perkhidmatan PNM, 45.8% (140) penyusunan bahan yang lebih teratur, 36.6% (112) petugas kaunter yang mesra pengguna, dan 32.7% (206) pelbagaikan subjek buku.

## Perkara Yang Boleh Meningkatkan Kualiti Sumber dan Perkhidmatan PNM

Bagi perkara yang dipilih oleh responden untuk meningkatkan lagi kualiti sumber dan perkhidmatan PNM adalah responden memilih agar PNM menyediakan bahan yang terkini 73% (270). Kedua perkhidmatan digital perlu ditingkatkan dengan jumlah responden 70.8% (262) dan ketiga mempelbagaikan sumber bacaan yang disediakan kepada pengguna 70.5% (261). Oleh itu, PNM perlu berusaha untuk melihat dan menilai sumber-sumber bacaan perlu mempunyai banyak pilihan, terkini dan memperbanyakkan lagi kandungan digital agar boleh dipakai dengan mudah dalam talian.

Jadual 11: Perkara Yang Boleh Meningkatkan Kualiti Sumber dan Perkhidmatan PNM

Bil.	Perkara yang Boleh Meningkatkan Kualiti Sumber dan Perkhidmatan PNM	Jumlah	Peratus %
1.	Sediakan bahan yang terkini	270	73.0
2.	Tingkatkan perkhidmatan digital (e-buku, e-majalah, e-jurnal dll)	262	70.8
3.	Pelbagaikan sumber bacaan	261	70.5
4.	Pelbagaikan subjek buku	242	65.4
5.	Tingkatkan prasarana ICT yang terkini	219	59.2
6.	Tingkatkan promosi sumber dan perkhidmatan PNM	217	58.6
7.	Penyusunan bahan yang lebih teratur	170	45.9
8.	Petugas kaunter yang mesra pengguna	137	37.0

## Cadangan dan Rumusan

Sumber dan Perkhidmatan PNM yang disediakan kepada pengguna dapat memberi manfaat berguna kepada rakyat Malaysia sama ada di bandar dan luar bandar. PNM dari masa ke masa sentiasa menambah baik dan mempertingkatkan kemudahan sumber dan perkhidmatan agar sentiasa terkini lebih-lebih lagi pada masa kini perubahan secara drastik permintaan sumber dan perkhidmatan digital. Keadaan ini dilihat dipengaruhi oleh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Di mana pergerakan menjadi terhad dan pilihan utama adalah sumber dan perkhidmatan dalam talian. Peluang dan cabaran PNM dalam mendepani perkara ini harus dilihat sebagai satu cara untuk PNM melihat cara penyampaian sumber dan perkhidmatan dalam platform digital.

Beberapa cadangan yang diketengahkan bagi menambahbaik nilai sumber dan perkhidmatan PNM yang disediakan kepada pengguna. Antara cadangan-cadangan yang difikirkan sesuai dan boleh dilaksanakan adalah seperti berikut

### i. Penambahan Bahan Koleksi yang Lebih Terkini dan Pelbagai.

Cadangan yang mendapat saranan ramai dari responden ini amat penting dan harus diberikan penekanan oleh pihak PNM bagi menarik minat pengguna agar sentiasa menggunakan bahan koleksi yang disediakan oleh PNM dan terus kekal relevan di mata pengguna. Pihak PNM harus

sentiasa peka dalam mengenal pasti bahan koleksi yang terkini dan pelbagai di pasaran dan yang bersifat *trend books*. Ketersediaan bahan koleksi yang terkini dan pelbagai di PNM akan membantu meningkatkan jumlah kunjungan pengguna secara fizikal mahu pun secara maya yang ingin membuat pencarian bahan.

## **ii. Meningkatkan Perkhidmatan dan Prasarana ICT dan Digital**

Sumber dan perkhidmatan ICT dan digital PNM perlu diperbanyakkan dan ditambah baik supaya dapat memenuhi kehendak pengguna dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Misalnya menaik taraf tahap capaian Wifi kepada pengguna, penggunaan teknologi terkini seperti *welcoming face recognition*, *3D illusion*, *AR wall education* dan sebagainya. Aspek mesra pengguna bagi sumber dan perkhidmatan yang disediakan ini juga mesti dititikberatkan. Ini kerana pengguna PNM terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan sosioekonomi.

## **iii. Memperluaskan Promosi Sumber Bacaan dan Perkhidmatan PNM untuk Memperkenalkan Kepada Pengguna**

Walaupun sumber dan perkhidmatan PNM sentiasa bertambah, namun pengguna masih lagi mempunyai kekangan untuk memperoleh bahan dan perkhidmatan tersebut. Justeru, bagi mempertingkatkan lagi kesedaran pengguna mengenai sumber dan perkhidmatan yang PNM sediakan satu usaha perlu dilaksanakan dengan mengadakan promosi yang berterusan di pelbagai platform seperti Twitter, Facebook, Instagram, dan Tiktok bagi tujuan promosi dan publisiti. Kumpulan Media Sosial PNM harus lebih banyak mempromosi sumber dan perkhidmatan PNM pada masa akan datang. Pelaksanaan publisiti dan promosi yang lebih mantap dan berterusan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap sumber dan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM.

## **iv. Pembangunan Infrastruktur dan Penstrukturan Bangunan PNM**

Pembangunan dan perancangan semula infrastruktur PNM yang kondusif dan menarik akan memudahkan pengguna bagi mendapatkan bahan. Pelaksanaan menaik taraf pemusatan PNM yang sedang dilaksanakan harus dipercepatkan bagi memberi keselesaan kepada pengguna. Penekanan untuk menambah baik kemudahan yang sedia ada seperti perabot yang selesa, tandas yang bersih, ruang solat yang selesa, kafeteria perpustakaan yang menarik, perkakasan IT yang terkini serta dekorasi dalaman yang cantik dan ceria akan meningkatkan lagi imej PNM di mata pengguna.

## **v. Menawarkan Pinjaman Berkelompok Kepada Perpustakaan Keluarga**

Pihak PNM juga boleh membuka perkhidmatan Pinjaman Berkelompok kepada individu (keluarga) bagi melengkapkan perpustakaan keluarga dalam kapasiti minimum pinjaman buku. Jika jumlah pinjaman kepada institusi sebanyak 300-400 buah, pinjaman individu mungkin sebanyak 50-100 buah buku atau jumlah yang difikirkan sesuai untuk sesebuah keluarga menyediakan perpustakaan mini di kediaman masing-masing. Hal ini akan dapat membantu keluarga memupuk budaya membaca bermula dari rumah dan secara tidak langsung sumber dan perkhidmatan PNM dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna.

## **vi. Ruang Santai Keluarga**

Cadangan daripada responden untuk mewujudkan satu sudut atau ruang khas iaitu ruang santai keluarga ini harus difikirkan dengan sebaiknya oleh pihak PNM. Ruang khas yang bersifat mesra keluarga ini boleh menggalakkan ibu bapa dan anak-anak untuk membaca bersama-



sama. Secara tidak langsung ibu bapa boleh mendidik, membimbing anak-anak dalam satu masa dalam keadaan yang selesa dan terkawal. Peranan dan sokongan ibu bapa amat penting dalam membentuk dan menerapkan amalan membaca dari peringkat akar umbi kanak-kanak.

Secara keseluruhannya, tahap kepuasan terhadap sumber dan perkhidmatan PNM berada dalam keadaan "Baik" iaitu sebanyak 42.4% (157). Hal ini juga diikuti dengan peratusan responden yang memilih kategori "Cemerlang" iaitu sebanyak 35.4% (131), 18.1% (67) memilih kategori "Sederhana", 3% (11) memilih "Tidak Memuaskan" dan 1.1% (4) memilih "Sangat Tidak Memuaskan". Kesimpulannya, kajian ini adalah satu usaha pihak PNM untuk mendapatkan maklum balas daripada pengguna terhadap sumber dan perkhidmatan yang disediakan agar relevan dan mempunyai impak tinggi dalam memupuk budaya ilmu dan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Perkembangan dan ledakan teknologi yang terkini harus ditangani oleh PNM dengan sebaik yang mungkin. Cabaran ini sewajarnya dijadikan satu peluang keemasan untuk PNM untuk terus unggul menerajui bidang kepustakawanan di Malaysia. Melalui hasil dapatan kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan lagi minat pengguna PNM untuk terus menjadikan PNM sebagai hub ilmu dan secara tidak langsung akan dapat meningkatkan minat cintakan ilmu dalam kehidupan seharian.

## Rujukan

- Alemna, A. Anaba. (1995). Community Libraries: an alternative to public libraries in education. *Library Review* 44(7): 40-44.
- Anis Mat. (2021). "COVID Memenjarakan Manusia, Membebaskan Minda: Dalam Konteks Perkhidmatan Perpustakaan". Kertas Kerja dibentangkan dalam Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2021. PTPM 2021: 14-18 Jun 2021.
- Baroudi, J. and W. Orilowski (1988). A Short-Form Measure of User Information Satisfaction. *Journal of Management Information Systems*, 4(4), 45-59.
- Che Azlan Taib (2017). "Konseptual Model Bagi Mengukur Kualiti Perkhidmatan Perpustakaan Akademik". *Jurnal Sains Humanika* 9: 1 (2017) 15-24.
- Faridah Che In & Afham Zulhusmi Ahmad. (2012). Mengkaji Corak Penggunaan Bahan Perpustakaan dan Penilaian Perkhidmatan Perpustakaan Terhadap Pelajar di Perpustakaan Politeknik Melaka. Seminar PMK 2012, 17-18 Mei 2012, Politeknik Melaka.
- Harris, R & Sue-Chan, C. (1988). Cataloging and Reference, Circulation and Shelving: public library users and university students' perceptions of librarianship. *Journal of Work Social Studies*, 10 (1), 95-107.
- Interaktif: University of Malaya Library Digital Resources and Online Services Web Portal
- Jamil, M., Tariq, R.-H. & Jamil, S. (2013). "Library Resources: Utilization by Teachers and Students" 35(2), 19-35.
- Jasreena Jamil, Adam Zulkarnain & Ima Eryanty Abdul Manaf (2021). "Pengenalan Kepada Koleksi Malaysiana Perpustakaan Negara Malaysia". *Sekitar Perpustakaan*, Bil 52/2021. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. 50-63.
- Juhana Salim (2009). "Tren Teknologi Dan Cabaran Masa Kini Kepada Perpustakaan". Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pembantu Perpustakaan, 2 - 4 Jun 2009, Hotel City Bayview Langkawi, Kedah.

- Koohang, Alex A., (1986). Effects of Age, Gender, Challenge Status and Computer Experience on Attitude Toward Library Computer System (LCS). *Library and information Science Research*, 8(4), 55-349.
- Parasuraman, A., V. A. Zeithaml, et al. (1985). A Conceptual Model of Service Quality and Its Implications for Future Research. *Journal of Marketing*, 49(Fall): 41-50.
- Mahbob Yusof. (2011). Interaktif: portal web sumber digital dan perkhidmatan dalam talian Perpustakaan Universiti Malaya. *Kekal/Abadi* 29(2) 2011. Paper presented at Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011, Grand Riverview Hotel, Kelantan.
- Malaysia Dalam Menyediakan Perkhidmatan Kepada Pelajar Jarak Jauh (Odl) Tanpa Kos Tambahan. Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011. Perpustakaan Digital Tan Sri Dr Abdullah Sanusi. Open University Malaysia Kuala Lumpur.
- Mazni Muhammad. (2021). "Pengaruh Kualiti Perkhidmatan Terhadap Kepuasan Pelajar Kolej Swasta di Negeri Sabah". *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 6, (page 196 - 200).
- Mahbob Yusof. (2011). "Interaktif: Portal Web Sumber Digital Dan Perkhidmatan On-Line Perpustakaan Universiti Malaya". Dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011. Kuala Lumpur.
- Mohd Ismail Abidin. (2013). "Kajian Mengenai Penawaran Aplikasi Web 2.0: Transformasi Perkhidmatan Perpustakaan Awam Dan Penerimaannya Di Kalangan Remaja". Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia (SKPM) 2013 "Transformasi Perpustakaan Dan Perubahan Budaya: Peranan Pustakawan". Hotel Mahkota, Melaka
- Mohd Afiq Rusly. (2014). "Perkhidmatan Whatsapp Di Perpustakaan: Penggunaan Di Perpustakaan Digital Open Universiti Malaysia (OUM)". Seminar Kepustakawanan 2014: Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Seheni.
- Mohamad Fadzili Baharin. (2020). "Kebiasaan Baharu Dalam Perkhidmatan Perpustakaan Akibat Pandemi Covid-19". *Sekitar Perpustakaan*, Bil 50/2021. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. 73-77.
- Noor Aina Norrdin. (2018). "Kajian Terhadap Kemudahan Perkhidmatan Portal U-Assist Di Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia". Tesis Sarjana Sains (Pengurusan) Universiti Utara Malaysia, Jun 2018.
- Rahimah Mohamed Yunos. (2015). "Kepentingan Perpustakaan Fizikal: Kajian Kes Pelajar Luar Kampus Universiti Teknologi Mara". *Jurnal Personalia Pelajar* 18 (2) (2015): 151-162.
- Shahril Effendi Ibrahim. (2011). "Amalan-Amalan Terbaik Perpustakaan Open University.
- Siti Adnon Abd. Wahid. (2008). Penggunaan Sumber Rujukan Media Elektrik Di Perpustakaan. Pekan Ilmu Publication.
- Storey, T. (2007). "Libraries and Social Networking". NextSpace, September 2007, 4-10.
- Totterdell, A., J. Gill, et al. (2005). An Introduction to Library and Information Work. London, Facet Publishing.
- Wan Abdul Rahman Wan Bujang. (2011). "Transformasi Perkhidmatan Perpustakaan Di Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA)" UNIMAS: Kumpulan Fokus Dan Kajian Kepuasan Pelanggan.

Zaiton, O., G. Carole Ann, et al. (1998). Quality services: Policies and Practices in Malaysia. *Library Management*, 19(1), 426-433.

Zawiyah Baba (2018). "Strategi transformasi dalam penglibatan komuniti: Inisiatif terpilih oleh perpustakaan Malaysia". *Jurnal IFLA Persekutuan Persatuan dan Institusi Perpustakaan Antarabangsa 2018*, Vol. 44(2) 90–105

Zulkefli Mohd Yusop, Yamin Kamis & Hasnah Hashim. (2011). Perkhidmatan Maklumat Atas Talian Melalui Aplikasi Web 2.0. *Informika*, Jilid 1, 2011: 91-102.

# KEPUASAN BEKERJA DALAM KALANGAN WARGA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Adam Zulkarnain Saleng  
Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia  
adam@pnm.gov.my

Elavarassan a/l M. Suppiah  
Penolong Pustakawan  
Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia  
elavarassan@pnm.gov.my

Noor Syahierah Mohamad Rohana  
Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia  
syahierah@pnm.gov.my

---

## Abstrak

*Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kepuasan bekerja dalam kalangan warga Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Objektif kajian ini ialah mengenal pasti perkaitan antara faktor-faktor kepuasan kerjaya iaitu kepuasan kerjaya, hubungan di tempat kerja, hubungan dengan pengurusan atasan, hubungan dengan penyelia/ketua, kemudahan, dan ganjaran dan pengiktirafan dengan kepuasan kerjaya warga PNM. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat kepuasan kerja melalui faktor demografi. Pendekatan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Populasi kajian meliputi warga PNM yang berkhidmat di PNM HQ dan PPAN Perlis dengan jumlah responden seramai 458 orang. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya, warga PNM mempunyai kepuasan kerja pada tahap tinggi ( $M=3.94$ ). Dapatan menunjukkan faktor tertinggi adalah hubungan di tempat kerja dengan skor 4.13 (83.4%) diikuti dengan kepuasan kerjaya 4.08 (84.5%) dan hubungan dengan penyelia/ketua 4.05 (79.0%). Faktor terendah adalah kemudahan dengan skor 3.69 (62.5%), hubungan dengan pengurusan atasan 3.84 (68.9%), dan ganjaran dan pengiktirafan 3.88 (71.4%). Faktor demografi menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dengan kepuasan bekerja warga PNM. Implikasi daripada kajian ini memerlukan pihak pengurusan jabatan untuk mengambil langkah penambahbaikan bagi memastikan kepuasan bekerja warga PNM meningkat dengan lebih baik pada masa hadapan.*

**Kata kunci:** Kepuasan bekerja, pengurusan perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia

## Pengenalan

Pekerjaan adalah satu aspek penting dalam kehidupan seseorang yang memakan banyak masa individu itu dalam sehari, berbanding dengan aktiviti-aktiviti lain. Selain itu, pekerjaan merupakan satu peluang bagi seseorang mendapatkan wang bagi tujuan kelangsungan hidup (Togia, Koustelios & Tsigilis, 2004). Di samping itu, Nilufar et al. (2009) menyatakan bahawa antara perkara yang menyumbang kepada tekanan terhadap seseorang adalah pekerjaan. Setiap pekerjaan mempunyai norma-normanya yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, tekanan setiap pekerjaan adalah berbeza antara satu sama lain (Thurayya, 2007). Tekanan dapat diatasi sekiranya seseorang individu itu berasa senang dan gembira dalam melaksanakan pekerjaannya. Dunia pengurusan sumber manusia sangat berkait rapat dengan kepuasan bekerja. Unsur-unsur tertentu mestilah wujud di tempat kerja agar seseorang itu berasa senang dan puas dalam melaksanakan amanah yang diamanahkan. Adalah dipercayai bahawa kepuasan bekerja itu mampu mempengaruhi aspek-aspek pekerjaan termasuklah kecekapan, produktiviti, ketidakhadiran dan niat untuk berhenti (Baron, 1986; Maghradi, 1999).

Kepuasan bekerja dapat didefinisikan sebagai satu keadaan di mana seseorang individu berasa senang atau berada dalam emosi yang positif yang berdasarkan pengalaman kerja atau penilaian pekerjaan seseorang individu. Menurut Kaliski (2007), kepuasan bekerja adalah satu bentuk pencapaian dan kejayaan terhadap sesuatu kerja yang secara umumnya, boleh dianggap berkaitan secara langsung dengan produktiviti kerja. Kepuasan bekerja juga didefinisikan sebagai satu keseronokan atau perasaan positif hasil daripada nilai sesuatu kerja atau pengalaman kerja. Perasaan ini timbul daripada persepsi setiap pekerja yang menggambarkan nilai-nilai sebenar kerja mereka di dalam situasi kerja (Ramli, 2000). Ia juga melibatkan interaksi antara pekerja dengan pekerjaannya (Ahmad Jawaher, 2000). Disamping itu, ini juga dapat dikatakan sebagai satu pekerjaan yang dinikmati oleh seorang pekerja, yang dilakukan secara bagus, dan penghargaan atas usaha yang dijalankan. Tambahan lagi, kepuasan bekerja adalah kunci kepada pengiktirafan, pendapatan, kenaikan pangkat, dan pencapaian matlamat lain yang turut juga membawa kepada kepuasan. Definisi ini juga boleh diringkaskan sebagai satu keadaan emosi yang menyenangkan berikutan penilaian seseorang terhadap kehendaknya selaras dengan pekerjaan yang dilakukan (Khairunneezam, 2008).

## Latar Belakang Kajian

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai sebuah agensi kebangsaan yang telah dipertanggungjawabkan untuk memelihara koleksi khazanah ilmu untuk kegunaan generasi masa kini dan masa hadapan. Bagi tujuan ini, PNM telah berusaha untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat bertaraf dunia. Kakitangan pula adalah satu sumber yang membantu sesebuah organisasi dalam menjalankan gerak kerja termasuklah pentadbiran dan perkhidmatan bagi mencapai matlamat, misi dan visinya. Kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi boleh ditentukan dengan menilai cara mereka menjalankan peranan masing-masing.

Era digital dalam Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) telah mempengaruhi peranan perpustakaan itu sendiri dari pelbagai aspek termasuk perkhidmatan perpustakaan yang perlu menerapkan elemen digital. Perpustakaan seharusnya sentiasa menambah baik kualiti perkhidmatan serta kemudahan secara berterusan bagi memastikan keperluan maklumat yang diperlukan dapat dipenuhi. Untuk menentukan hala tuju kakitangan dan pengurusan yang cekap dan mempunyai kompetensi yang tinggi, adalah penting untuk memastikan modal insan yang dilahirkan juga berkualiti. Sesebuah organisasi yang berjaya dan berkesan haruslah mampu melahirkan modal insan yang berdisiplin tinggi dan komited terhadap tugas yang dilaksanakan. Oleh yang demikian, peranan setiap warga kerja PNM sangatlah penting bagi memastikan kejayaan organisasi untuk mencapai visi dan misi yang telah dirancang. Kewujudan pelbagai bahagian di PNM menunjukkan bahawa betapa pentingnya pengurusan perpustakaan yang memerlukan warganya memainkan peranan penting dalam memacu hala tuju PNM dan berada di atas landasan yang betul.

Menurut Holpp (2012), penilaian prestasi adalah salah satu alat penting yang digunakan oleh pengurus untuk menyelaraskan prestasi pekerja agar selaras dengan matlamat organisasi. Kepuasan bekerja perlu dititik beratkan dalam sesebuah organisasi seperti perpustakaan bagi memastikan prestasi kerja mereka mampu memacu hala tuju dan matlamat yang dirancang. Dalam konteks organisasi masa kini, penilaian prestasi adalah pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan, produktiviti dan memudahkan pencapaian matlamat organisasi (Bohlander, Snell dan Sherman 2001). Kepuasan bekerja yang tinggi mampu menjadi pendorong pelaksanaan tugas yang lebih baik. Menurut Zaffar Ahmad Nadaf (2018), kepuasan dalam kehidupan merupakan sesuatu yang penting kepada setiap manusia dan bagi mereka yang bergelar pekerja pula kepuasan bekerja penting bagi mereka sepanjang tempoh mereka bekerja. Kepuasan bekerja telah menjadi salah satu keperluan yang perlu ada dalam diri setiap pekerja di sesebuah organisasi tidak kira sama ada terhadap organisasi yang telah membangun ataupun sedang membangun (Frempong, Agbenyo & Darko, 2018). Agusramadani dan Lia Amalia, (2018) serta Noraini Mohd Noor dan Ruzilayati Rameli (2011) mengatakan kepuasan bekerja merupakan salah satu komponen yang penting dalam motivasi kerja dan penting dalam memastikan pekerja sentiasa menunjukkan prestasi yang baik terhadap tugasnya. Menurut Sidek (1998), semakin hampir keselarasan ciri-ciri personaliti dengan persekitaran kerja yang dipilih dapat mempengaruhi motivasi, kepuasan kerja, kebolehan, pencapaian dan stabiliti seseorang. Maka hal-hal yang tersebut perlu diambil perhatian. Impak yang positif ini dapat memberikan kepuasan bekerja seterusnya menggalakkan mereka berasa seronok seterusnya meningkatkan motivasi dan akan menyebabkan kualiti perkhidmatan kepada kumpulan sasaran dapat dilaksanakan secara berkesan (Ami Patola, 2018).

## Penyataan Masalah

Kajian kepuasan bekerja telah dilaksanakan oleh ramai pengkaji dan agensi sama ada kerajaan mahupun swasta. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan sebelum ini mengikut ciri-ciri latar belakang tertentu seperti jantina, umur, pengalaman bekerja dan sebagainya (Togia, Koustelios & Tsigilis, 2004). Fitch (1990) mendapati bahawa lelaki dan perempuan mempunyai kepuasan bekerja yang tinggi, namun dapatan oleh Mirfakhrai (1991) menyatakan bahawa kepuasan bekerja lelaki adalah lebih tinggi. Percanggahan juga dapat dilihat dalam kajian-kajian melibatkan tempoh pengalaman bekerja (Horenstein, 1993; Lynch & Verdin, 1987; Fitch, 1990; Mirfakhrai, 1991), umur (Mirfakhrai, 1991; Sirpe's, 1999). Merujuk kepada kajian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia dan Keterlibatan Pegawai Perkhidmatan Awam 2020 mendapati kesejahteraan psikologi penjawat awam berada di tahap sederhana iaitu dengan skor komposit 7.43. Domain skor yang paling tinggi adalah kefungsiian psikologi iaitu 8.11. Diikuti skor 7.72 bagi domain emosi positif, domain kesejahteraan sosial dengan skor 7.26 dan domain kepuasan hidup pada skor 7.22. Manakala, skor domain emosi negatif pula adalah yang paling rendah berbanding dengan domain-domain lain iaitu 3.15 (6.51). Maka, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dapatan kepuasan bekerja dalam kalangan warga PNM bagi mengetahui tahap kepuasan bekerja mereka.

Secara umumnya, diketahui bahawa kepakaran dapat diperoleh melalui pengalaman bekerja. Dengan pengalaman bekerja yang cukup, mampu meningkatkan prestasi seseorang individu dalam menjalankan tugasnya di tempat kerja. Menurut Zakaria (2006), hubungan kepakaran dengan tahap kompetensi seseorang profesional dalam bidang yang diceburinya adalah berkait rapat. Kegagalan menjalankan tugas akibat kurangnya kompetensi boleh menyebabkan kerja akan memberi tekanan. Leila (2002) mentakrifkan tekanan sebagai 'satu tindak balas individu terhadap tuntutan yang dihadapinya sama ada tuntutan dalaman (fisiologi) dan luaran (fizikal dan sosial)'. Apabila seseorang warga kerja tidak dapat melaksanakan tugasnya dengan baik, hal yang demikian akan membawa kepada tekanan kerja seterusnya menjadi bebanan. Menurut Sarimah dan Faridatul Akmar (2010), dikhuatiri sekiranya kakitangan mempunyai bebanan kerja yang tinggi akan menyebabkan ketidakpuasan bekerja terjadi. Antara persoalan yang pernah dibangkitkannya ialah sejauh mana organisasi memanfaatkan pengalaman dan kepakaran kakitangannya? (Zakaria, 2006). Dari sini, timbul pula persoalan sama ada pengalaman bekerja boleh mempengaruhi kepuasan bekerja seseorang individu? Kajian ini dianggap penting bagi



mbolehkan organisasi mampu mengoptimumkan penggunaan kepakaran kakitangan berdasarkan pengalaman bekerja seterusnya membantu untuk meningkatkan kepuasan bekerja mereka.

Menurut Zaffar Ahmad Nadaf (2018), antara faktor yang menentukan kepuasan bekerja seseorang adalah pekerjaan mereka itu sendiri dan juga tempat mereka bekerja. Sekiranya organisasi mampu menyediakan suasana kerja yang baik, prestasi kerja kakitangan dapat ditingkatkan (Nitisemito, 1996). Suasana kerja termasuklah keadaan fizikal pejabat seperti cahaya, suhu, dan lain-lain yang mana mampu mewujudkan satu suasana kondusif dan semangat kerja yang tinggi (Sedarmayanti, 2001). Tambahan lagi, suasana kerja juga turut dipengaruhi oleh hala tuju matlamat organisasi, fasiliti, hubungan kerja yang harmoni, pola komunikasi antara kakitangan, dan iklim kerja yang dinamik (Mangkunegara, 2006). Justeru, persoalan yang timbul, dengan kemudahan dan suasana kerja yang disediakan oleh PNM pada masa ini mampu meningkatkan kepuasan bekerja warganya? Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengelakkan semangat kerja warga PNM menjadi pudar yang boleh menurunkan produktiviti kerja mereka.

## Objektif Kajian


Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap kepuasan bekerja warga PNM berdasarkan faktor kepuasan kerjaya, hubungan di tempat kerja, hubungan dengan pengurusan atasan, hubungan dengan penyelia, kemudahan, dan ganjaran dan pengiktirafan; dan
- ii. Mengenal pasti perbezaan tahap kepuasan bekerja warga PNM berdasarkan profil demografi responden.

## Soalan Kajian

- i. Apakah tahap kepuasan bekerja warga PNM berdasarkan faktor kepuasan kerjaya, hubungan di tempat kerja, hubungan dengan pengurusan atasan, hubungan dengan penyelia, kemudahan, dan ganjaran dan pengiktirafan?
- ii. Apakah perbezaan tahap kepuasan bekerja warga PNM berdasarkan faktor profil demografi?

## Kerangka Konseptual



Rajah 1: Rangka konseptual kajian

## Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kepuasan bekerja yang diperolehi dalam kalangan warga kerja PNM. Kepuasan bekerja ini dipercayai boleh membantu PNM untuk melahirkan modal insan yang cemerlang seiring dengan kemajuan zaman teknologi dan maklumat pada masa kini. Atas kesedaran ini, dirasakan bahawa kajian ini perlu dijalankan untuk melihat kaedah dan pendekatan yang terbaik bagi memenuhi keperluan warga kerja PNM. Antara kepentingan yang boleh didapati daripada hasil kajian ini adalah:

- i. Kepentingan kepada organisasi PNM – diharapkan hasil dapatan kajian ini dapat membantu pihak pengurusan untuk merangka pendekatan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan warga kerja pada masa akan datang.
- ii. Kepentingan kepada warga kerja PNM – dengan kajian ini, diharapkan warga kerja mendapat kesedaran tentang kepuasan bekerja masing-masing, seterusnya menyedari kelemahan dan mencari jalan agar boleh menambah baik prestasi kerja masing-masing.
- iii. Kepentingan kepada organisasi lain – diharapkan agar hasil kajian ini boleh membantu menjadi panduan dalam melaksanakan kajian kepuasan bekerja organisasi masing-masing.

## Kajian Literatur

Menurut Hasibuan (2007), antara faktor-faktor biasa yang boleh mempengaruhi kepuasan bekerja termasuklah menerima upah yang selayaknya, berada dalam jabatan yang bersesuaian dengan latarbelakang pendidikan, kapasiti tugas yang diberikan, suasana kerja, peralatan dan teknologi yang disediakan, kepimpinan oleh atasan, dan sikap perkerjaan itu sendiri. Van Fleet (2010) menjelaskan bahawa manusia lebih cenderung bersikap biasa sahaja dalam menghadapi sesuatu tugas dalam organisasi. Setelah mereka menerima beberapa ganjaran berbentuk dalaman dan luaran seperti kenaikan upah, pujian dan lain-lain bentuk penghargaan keadaan akan segera berubah. Mereka akan menunjukkan tahap kepuasan bekerja yang tinggi terhadap pekerjaan dan organisasinya. Sebaliknya, mereka yang tidak mendapat ganjaran akan menggambarkan tahap kepuasan yang rendah. Kepuasan bekerja boleh dipengaruhi oleh banyak faktor (Alonderiene & Majauskate, 2016; Frempong, Agbenyo & Darko, 2018) antaranya termasuklah keadaan organisasi, pengaruh, autonomi, pengiktirafan, komunikasi, keadaan sekeliling, tahap profesionalisme, hubungan interpersonal, sokongan penyelia, tahap keselamatan pekerjaan, fleksibiliti di tempat kerja, dan bekerja dalam pasukan (Alonderiene & Majauskate, 2016). Secara ringkasnya, faktor ini boleh disebut sebagai kepuasan kerjaya, hubungan ditempat kerja dan juga kemudahan.

Nor Liyana dan Mansor (2010) telah mencadangkan dalam penulisan kajiannya terhadap Armada Tentera Laut Diraja Malaysia, beliau membuat kesimpulan yang mana kesepadanan tugas dengan kepakaran kakitangan boleh membawa kepada kepuasan bekerja, dan seterusnya mampu untuk menambah keyakinan dan semangat untuk bekerja dengan lebih baik. Bentuk pekerjaan adalah salah satu faktor di mana individu memperoleh kepuasan bekerja. Selain itu dalam sesebuah organisasi, kepakaran individu yang menjalankan kerja profesional berkait rapat dengan tahap kompetensi dalam sesuatu bidang yang diceburinya, termasuk faktor-faktor lain iaitu pengetahuan, pengalaman, sikap dan sebagainya.

Dalam mengkaji kepuasan bekerja pustakawan, Togia, Koustelios dan Tsigilis (2004) mendapati bahawa di samping ciri-ciri intrinsik pekerjaan mereka, ciri-ciri ekstrinsik juga turut mempengaruhi kepuasan kerja. Jelas bahawa pustakawan memperoleh banyak kepuasan dari sifat pekerjaan mereka, pengawasan yang berlanjutan, dan keadaan di tempat kerja walaupun terdapat perbezaan dalam konteks budaya dan sosio ekonomi di mana mereka berada. Hal ini berkaitan dengan personaliti individu itu sendiri seperti yang

dicadangkan oleh Holland (1973) yang menyatakan bahawa pemilihan kerjaya sesuai dengan personaliti dan persekitaran kerja boleh memberi kesan kepada motivasi dan kepuasan bekerja individu, yang seterusnya akan meningkatkan produktiviti organisasi tersebut.

Terdapat beberapa teori yang digunakan dalam mengukur tahap kepuasan bekerja antaranya ialah Teori Herzberg's 2-Faktor yang diperkenalkan oleh Frederik Herzberg yang mengetengahkan faktor-faktor yang mengandungi dua komponen, disebutkan sebagai 'motivator' dan 'hygiene'. Faktor motivator adalah faktor dalaman (intrinsik), yang mempengaruhi kepuasan bekerja melalui pencapaian dan pengiktirafan. Faktor luaran (ekstrinsik) disebut sebagai hygiene. Contohnya seperti gaji dan keselamatan pekerjaan, menghasilkan ketidakpuasan kerja. Begitu juga dengan Teori Keperluan Maslow telah digunakan secara meluas dalam menentukan keperluan manusia. Menurut teori ini, hierarki keperluan manusia dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat yang mana keperluan-keperluan ini harus disempurnakan secara menyeluruh atau sebahagian (Atory Hussain, 1986). Menurut teori ini, pola kepuasan terhadap keperluan boleh dipengaruhi oleh tekanan akibat kesukaran untuk memperoleh makanan dan keselamatan. Dikatakan, sekiranya keinginan di peringkat awal ini tidak dapat dipenuhi, akan menyebabkan kesukaran untuk mendapat motivasi di peringkat yang lebih tinggi, contohnya keinginan kasih sayang, penghormatan dan pengalihan hasrat diri.

Merujuk kepada kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa kepuasan bekerja adalah satu faktor yang penting bagi memenuhi keperluan setiap pekerja. Dengan wujudnya kepuasan kerja, secara tidak langsung dapat mendorong para pekerja untuk melaksanakan tugas mereka dengan lebih berdedikasi, bermotivasi, seterusnya mampu meningkatkan prestasi dan produktiviti. Adalah sangat penting untuk pihak pengurusan mengambil tahu faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kepuasan bekerja agar mereka mampu memberi komitmen yang tinggi terhadap organisasi seterusnya mencapai matlamat dan hala tuju yang dirancang.

## **Kaedah Kajian**

Untuk menjalankan sesebuah kajian, pemilihan metodologi adalah sangat penting bagi memastikan kajian tersebut dapat dijalankan dalam keadaan yang baik dan lancar. Kaedah yang dipilih bagi menjalankan kajian adalah secara kuantitatif. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini kerana difikirkan sesuai bagi mendapatkan data kepuasan bekerja. Populasi kajian meliputi warga kerja PNM di Ibu Pejabat (PNM HQ) dan PAN Perlis (PPANPs) yang terdiri daripada pengurusan tertinggi, pengurusan dan profesional dan pelaksana yang dianggarkan seramai lebih kurang 500 orang. Persampelan yang digunakan adalah persampelan kebarangkalian. Untuk sesebuah kajian melibatkan bidang sains sosial, penentuan sampel boleh ditentukan mengikut jadual yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Kajian ini menggunakan semua sampel keseluruhan populasi kajian iaitu lebih kurang 500 orang bagi melihat skala menyeluruh kepuasan bekerja dalam kalangan warga kerja PNM.

## **Instrumen Kajian: Borang Soal Selidik**

Kajian yang dijalankan menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Borang soal selidik ini terbahagi kepada enam (6) bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, Bahagian E, Bahagian F, dan Bahagian G. Selain itu, disertakan juga ruang untuk cadangan dan pandangan bagi mendapatkan pandangan dan cadangan daripada responden. Pecahan soal selidik boleh dilihat seperti dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Struktur Kandungan Borang Soal Selidik

Bahagian	Konstruk	Dimensi	Item	Jumlah
Bahagian A	Demografi	-	A1-A11	11
Bahagian B	Kepuasan kerja	Kepuasan kerjaya	B1-B10	10
Bahagian C		Hubungan di tempat kerja	C1-C8	8
Bahagian D		Hubungan dengan pengurusan atasan	D1-D8	8
Bahagian E		Hubungan pekerja dengan penyelia/ketua	E1-E12	12
Bahagian F		Kemudahan-kemudahan lain	F1-F14	14
Bahagian G		Ganjaran dan pengiktirafan	G1-G4	4
Lain-lain cadangan				1
Ulasan berkenaan instrumen				1
<b>Jumlah</b>				<b>69</b>

## Tempoh Kajian

Proses kutipan data telah dijalankan selama sebulan iaitu bermula pada 1 September hingga 30 September 2021. Daripada edaran tersebut, seramai 458 responden yang telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan melalui e-mel warga PNM HQ dan PPANPs yang berdaftar.

## Julat Skor dan Peratus

Kajian ini menggunakan skor min dengan merujuk kepada skor yang digunakan oleh Noor Hidayah Samsudin & Main Rindam (2018), Mohd Najib (2003) dan Rozo et al. (2016) dan diubah suai dengan penambahan julat purata peratus bagi mengukur faktor-faktor kepuasan bekerja seperti berikut:

Jadual 3: Julat Skor Min dan Purata

Julat Skor Min	Purata %	Kategori
4.1-5.0	> 80%	Sangat Tinggi/Cemerlang
3.51-4.00	60%-79%	Tinggi/Baik
2.51-3.5	40-59%	Sederhana
1.1-2.5	20-39%	Rendah
0.1-1.0	0-19%	Sangat Rendah

## Dapatan Kajian

Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan, 346 orang (76%) daripada responden yang menjawab adalah kakitangan PNM HQ dan selebihnya 112 orang (25%) adalah kakitangan PPANPs. Berdasarkan jumlah ini, didapati tidak semua sampel daripada PNM memberi maklum balas dan jumlah yang diterima daripada PPANPs mencapai target responden yang diingini.

Jadual 4: Jumlah Responden

Jabatan	Frekuensi	Peratus %
Perpustakaan Negara Malaysia Ibu Pejabat (PNM HQ)	346	75.5
Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis (PPANPs)	112	24.5

Daripada maklum balas 458 responden, sebanyak 30.8% (141) responden adalah lelaki dan 69.2% (317) responden perempuan. Taburan responden berdasarkan bangsa menunjukkan responden berbangsa Melayu 91.7% (420), Cina sebanyak 0.4% (2), India 3.3% (15), Bumiputra Sabah/Sarawak 3.9% (18) dan lain-lain hanya 0.7% (3). Bagi kumpulan umur responden pula, kumpulan umur 18-24 tahun sebanyak 1.7% (8), diikuti kumpulan umur 25-38 tahun dengan peratusan sebanyak 45.0% (206), seterusnya kumpulan umur 39-53 tahun adalah sebanyak 47.8% (219) dan 54 tahun ke atas sebanyak 5.5% (25).

Manakala kumpulan jawatan adalah bagi Pengurusan Tertinggi 2.0% (9), Pengurusan dan Profesional 27.3% (125) dan Pelaksana 70.7% (324). Kelayakan akademik responden pula mendapati SPM/MCE/SPMV/SG/GCE/OLEVEL mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 32.5% (149). Kelayakan Ijazah Sarjana Muda pula mencatatkan peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 28.4% (130) diikuti kelayakan STPM/HSC/STA/Sijil/SKM sebanyak 13.1% (60). Manakala kelayakan Diploma adalah sebanyak 12.9% (59), Ijazah Lanjutan (Sarjana/PhD) sebanyak 8.7% (40) dan PT3/PMR/SRP/LCE sebanyak 4.4% (20). Jadual 4 menunjukkan demografi responden secara menyeluruh.

Jadual 5: Demografi Responden

Bil.	Profil Demografi	Jumlah	Peratus %
1.	<b>Jantina</b>		
	Lelaki	141	30.8
	Perempuan	317	69.2
2.	<b>Bangsa</b>		
	Melayu	420	91.7
	Cina	2	0.4
	India	15	3.3
	Bumiputra Sabah/Sarawak	18	3.9
	Lain-lain	3	0.7
3.	<b>Umur (tahun)</b>		
	18.24	8	1.7
	25-38	206	45.0
	39-53	219	47.8
	54 dan ke atas	25	5.5
4.	<b>Kumpulan Jawatan</b>		
	Pengurusan Tertinggi	9	2.0
	Pengurusan dan Profesional	125	27.3
	Pelaksana	324	70.7
5.	<b>Pendidikan</b>		
	PT3/PMR/SRP/LCE	20	4.4
	SPM/MCE/SPMV/SG/GCE/OLEVEL	149	32.5

Bil.	Profil Demografi	Jumlah	Peratus %
	STPM/HSC/STA/Sijil/SKM	60	13.1
	Diploma	59	12.9
	Ijazah Sarjana Muda	130	28.4
	Ijazah Lanjutan (Sarjana/PhD)	40	8.7

## Tahap Kepuasan Bekerja Warga PNM Mengikut Bahagian

Jadual 5 menunjukkan tahap kepuasan kerja warga PNM mengikut bahagian semasa bertugas. Bahagian yang menunjukkan skor kepuasan bekerja yang tertinggi adalah Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) iaitu 4.37. Manakala skor terendah adalah daripada Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA) iaitu 3.30. Terdapat 15 bahagian yang mencapai tahap kepuasan bekerja yang tinggi iaitu BKNP, UI, BTM, BP, PMO, PKMM, BPK, Bpnmn, BGLM, BSE, BKD, BPPD, PPTN, BRSP, PBN, PRMLN, PPANPs, dan Pengurusan Tertinggi. Selain daripada itu, 5 bahagian mencapai tahap sederhana iaitu BKK, BPMI, BPP, BKPSM, dan BPSA.

Jadual 6: Skor Tahap Kepuasan Bekerja Mengikut Bahagian

Bahagian	Skor	
Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP)	4.37	Tinggi
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs)	4.30	Tinggi
Unit Integriti (UI)	4.29	Tinggi
Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)	4.27	Tinggi
Pengurusan Tertinggi	4.18	Tinggi
Bahagian Pemuliharaan (BP)	3.94	Tinggi
Bahagian Pengurusan Projek Digital (PMO)	3.94	Tinggi
Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM)	3.92	Tinggi
Bahagian Pembangunan Koleksi (BPK)	3.90	Tinggi
Bahagian Pinjaman (BPjmn)	3.84	Tinggi
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat (BGLM)	3.83	Tinggi
Bahagian Sumber Elektronik (BSE)	3.79	Tinggi
Bahagian Kandungan Digital (BKD)	3.78	Tinggi
Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa (BPPD)	3.77	Tinggi
Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN)	3.76	Tinggi
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan (BRSP)	3.75	Tinggi
Pusat Bibliografi Negara (PBN)	3.73	Tinggi
Pusat Rujukan Malaysia dan Luar Negara (PRMLN)	3.68	Tinggi
Bahagian Komunikasi Korporat (BKK)	3.55	Sederhana
Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI)	3.55	Sederhana
Bahagian Penyelidikan (BPP)	3.48	Sederhana
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM)	3.47	Sederhana
Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA)	3.30	Sederhana

## Tahap Kepuasan Bekerja Warga PNM Berdasarkan Faktor-Faktor Kepuasan Bekerja

Jadual 7 menunjukkan hasil analisis perbandingan faktor kepuasan warga PNM secara keseluruhan. Warga ibu pejabat PNM telah menunjukkan skor yang lebih tinggi pada faktor kepuasan kerjaya iaitu 4.09, berbanding PPANPs 4.07. Bagi faktor-faktor lain, warga PPANPs telah menunjukkan kepuasan bekerja yang lebih tinggi iaitu hubungan di tempat kerja (4.14), hubungan dengan pengurusan atasan (3.87), kemudahan (3.76), dan ganjaran dan pengiktirafan (3.95). Manakala bagi faktor hubungan dengan penyelia/ketua, warga ibu pejabat PNM dan PPANPs menunjukkan tahap kepuasan bekerja yang sama. Secara keseluruhannya, skor tertinggi yang menyumbang kepada kepuasan bekerja warga jabatan adalah hubungan di tempat kerja iaitu 4.13, dan skor terendah adalah kemudahan, 3.69. Tahap kepuasan bekerja warga PPANPs (3.97) menunjukkan tahap kepuasan kerja yang lebih tinggi berbanding warga ibu pejabat PNM (3.94). Secara puratanya, tahap kepuasan kerja warga PNM adalah berada pada tahap tinggi 3.94 atau 75.0%

Jadual 7: Skor dan Peratus Tahap Kepuasan Bekerja Mengikut Faktor Kepuasan Bekerja

Bil.	Faktor-faktor kepuasan bekerja	PNM	PPANPs	Keseluruhan	Purata %	Tahap Kepuasan
1.	Hubungan di tempat kerja	4.13	4.14	4.13	83.4	Sangat Tinggi/Cemerlang
2.	Kepuasan kerjaya	4.09	4.07	4.08	84.5	Sangat Tinggi/Cemerlang
3.	Hubungan dengan penyelia/ketua	4.05	4.05	4.05	79.0	Tinggi/Baik
4.	Ganjaran dan pengiktirafan	3.85	3.95	3.88	71.4	Tinggi/Baik
5.	Hubungan dengan pengurusan atasan	3.83	3.87	3.84	68.9	Tinggi/Baik
6.	Kemudahan	3.67	3.76	3.69	62.5	Tinggi/Baik
	Kepuasan bekerja secara keseluruhan	3.94	3.97	3.94	75.0	Tinggi/Baik

### i. Tahap Kepuasan Kerjaya

Tahap kepuasan kerjaya warga PNM berada pada tahap cemerlang atau sangat tinggi dengan purata markah 84.5% (skor 4.08). Hal ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya persekitaran kerja yang kondusif sehingga ia memberi pengaruh kepada tahap kepuasan bekerja yang amat baik dalam kalangan warga PNM.




Rajah 1: Kepuasan Kerjaya



ii. Hubungan di Tempat Kerja


Tahap kepuasan bekerja bagi item hubungan di tempat kerja juga cemerlang atau sangat tinggi dengan purata markah 83.4% (skor 4.13). Ini bermakna terdapat toleransi hubungan di tempat kerja yang baik akan mempengaruhi tahap kepuasan kerja warga PNM. Oleh itu, adalah menjadi suatu keperluan untuk membina hubungan yang baik di tempat kerja dalam kalangan rakan sekerja kerana ia mempengaruhi tahap kepuasan bekerja.



Rajah 2: Hubungan di Tempat Kerja

### iii. Hubungan Dengan Pengurusan Atasan


Tahap kepuasan bekerja bagi item hubungan dengan pengurusan atasan pula mencatatkan kategori baik atau tinggi dengan purata markah hanya 68.9% (skor 3.84). Item keprihatinan pengurusan atasan berkaitan dengan kebijakan/kaunseling warga jabatan mendapat markah yang terendah iaitu 62.9%.



Rajah 3: Hubungan Dengan Pengurusan Atasan

**iv. Hubungan Dengan Penyelia/Ketua**


Hubungan dengan penyelia/ketua dan warga PNM berada pada tahap baik atau tinggi dengan purata markah 79.0% (skor 4.05). Item yang mendapat markah terendah adalah item penyelia/ketua boleh dipercayai jika berbincang mengenai aduan atau perkara sulit mendapat markah puas hati sebanyak (75.8%).



Rajah 4: Hubungan Dengan Penyelia/Ketua

v. Kemudahan-Kemudahan


Kemudahan kepuasan bekerja bagi item kemudahan lain juga adalah baik atau tertinggi dengan purata markah hanya 62.9% (skor 3.69). Faktor ini adalah faktor yang terendah berbanding dengan faktor-faktor yang lain. Tiga item mendapat markah di bawah 50% (sederhana) adalah kemudahan ruang rekreasi/sukan (49.4%), kemudahan pantri (48.5%) dan kemudahan kantin (45.3%). Kepuasan bekerja akan meningkat apabila kemudahan ditingkatkan oleh organisasi.



Rajah 5: Kemudahan-Kemudahan

## vi. Ganjaran dan Pengiktirafan

Tahap kepuasan bekerja bagi item ganjaran dan pengiktirafan berada pada tahap baik atau tinggi dengan purata markah 71.4% (skor 3.88). Ini bermakna terdapat toleransi yang baik jika pekerja menerima ganjaran dan pengiktirafan. Tahap kepuasan bekerja akan meningkat jika kakitangan yang mempunyai prestasi cemerlang diberikan insentif seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) atau apa-apa pengiktirafan lain yang sesuai.



Rajah 6: Ganjaran dan Pengiktirafan

## **Kepuasan Bekerja Berdasarkan Faktor Demografi**

Kajian ini seiring dengan hasil kajian Kiang dan Zakariya (2018), di mana tiada perbezaan yang signifikan dalam kepuasan bekerja mengikut jantina. Ini menunjukkan bahawa kepuasan bekerja tidak dipengaruhi oleh jantina seseorang melainkan faktor-faktor tertentu yang lain. Sebaliknya, Zahavy & Somach (2001) dan Soon (2002) mendapati jantina mempengaruhi kepuasan bekerja secara signifikan. Kajian ini menyokong Ma dan Macmillan (1999) di mana umur yang lebih muda mempunyai kepuasan kerja yang lebih tinggi berbanding mereka yang lebih berusia. Dapatan ini adalah bertentangan dengan Bull (2005) yang menyatakan sebaliknya. Walaupun begitu, perbezaan ini adalah tidak signifikan, seiring dengan Zahavy & Somech (2001), Perrachione, Rosser & Petersen (2008), dan bertentangan dengan Soon (2002) yang menyatakan tahap kepuasan bekerja mengikut umur adalah berbeza secara signifikan.

Zahavy & Somech, 2001; Veloo & Kiew, 2012; Nordin & Hassan (2019) menyatakan pengalaman bekerja tidak mempengaruhi kepuasan bekerja seseorang. Kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tempoh perkhidmatan dengan jabatan di mana kakitangan yang berkhidmat dalam tempoh 21-30 tahun lebih tinggi berbanding dengan tempoh yang kurang daripada itu. Dapatan ini menepati dengan hasil kajian Johnson, Mclure, dan Scheider (1999) di mana pekerja yang kurang daripada 8 tahun mempunyai tahap kepuasan bekerja yang rendah. Selain daripada itu, Ahmad Shaharuddin juga mendapati anggota RAJD yang lebih berpengalaman menunjukkan kepuasan bekerja yang lebih tinggi berbanding dengan anggota yang kurang berpengalaman. Perbezaan ini menunjukkan pengaruh pengalaman bekerja terhadap kepuasan bekerja adalah saling berkaitan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan pendapatan yang diterima kakitangan. Hal ini bertentangan dengan kajian Johnson, Mclure, dan Scheider (1999) yang mendapati terdapat perbezaan kepuasan bekerja yang mana pekerja yang berkhidmat dalam tempoh kurang 3 tahun tidak berpuas hati dengan pendapatan yang diterima. Tambahan lagi, hasil kajian ini adalah seiring dengan Zainab et al. (2020), di mana keseluruhannya tahap kepuasan kerja warga jabatan adalah tinggi tetapi bertentangan dengan kajian Mohammad Reza et al. (2010) yang hasilnya menunjukkan kepuasan bekerja hanya pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, bagi dimensi hubungan di tempat kerja menunjukkan persamaan dengan kajian Mohammad Reza et al., iaitu faktor sosial ini telah menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi.

## **Maklum balas dan Pandangan Responden Berkenaan Tahap Kepuasan Bekerja**

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kepuasan kerja dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu yang menyumbang kepada hasil akhir kajian ini. Jika dilihat, faktor terendah yang menyumbang kepada kepuasan bekerja warga PNM adalah hubungan dengan pihak atasan, kemudahan di tempat kerja, dan ganjaran dan pengiktirafan. Oleh hal yang demikian, bagi memastikan warga PNM mempunyai tahap kepuasan bekerja yang tinggi, hal ini perlu dititikberatkan oleh pihak pengurusan agar jabatan dapat memberikan yang terbaik kepada kakitangannya. Hal demikian akan membantu meningkatkan produktiviti kakitangan dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan, seterusnya menyumbang kepada perkhidmatan yang cemerlang kepada pengguna perpustakaan amnya. Ruang ini memfokuskan faktor-faktor terendah yang dinyatakan di atas berdasarkan pendapat yang telah dinyatakan oleh responden dalam borang soal selidik. Faktor terendah yang pertama adalah kemudahan-kemudahan yang disediakan jabatan di tempat kerja. Ramai responden berpendapat kemudahan-kemudahan di jabatan seharusnya ditambah baik. Beberapa pandangan responden yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:

- Responden mencadangkan agar ruang kerja lebih selesa diwujudkan seperti menukar meja dan kerusi yang telah rosak/usang kepada yang lebih baik. Dari sudut ruang pejabat, ada bahagian

yang didapati tidak kondusif seperti ruang kerja yang tidak selesa kerana ketidaksesuaian perabot. Fasiliti-fasiliti perlu dijaga dan dipelihara sebaiknya agar dapat digunakan dengan baik. Di samping itu, ada sesetengah bahagian yang menggunakan penghadang/ pembahagi lama dan sudah rosak;

- Membuat penyelenggaraan berkala yang lebih baik dan efektif. Kemudahan ICT perlu ditambah baik terutamanya dengan menggantikan komputer-komputer lama dengan komputer yang lebih bersesuaian dengan peredaran semasa. Beberapa pendapat menyatakan kelengkapan komputer seharusnya dititikberatkan kerana tugas harian memerlukan penggunaan komputer. Komputer-komputer lama juga harus diganti dengan yang lebih terkini kerana terdapat kakitangan masih menggunakan komputer lama yang tidak sesuai dengan sesetengah perisian yang digunakan dan telah mengganggu serta menjejaskan proses kerja mereka;
- Ruang-ruang yang tidak diselenggara menyebabkan kesukaran bekerja seperti tiada ruang untuk memproses penerimaan buku dan sebahagian rak juga sudah reput dan membahayakan keselamatan kakitangan;
- Memastikan suasana kerja yang kondusif, kemudahan yang disediakan jabatan seharusnya boleh memenuhi keperluan asas kakitangan; dan
- Dalam kebanyakan pendapat responden, beberapa persekitaran lain yang didapati tidak menyenangkan kakitangan adalah kafeteria, pantri dan ruang rekreasi. Justeru, demi memastikan suasana yang kondusif, kemudahan yang disediakan jabatan seharusnya boleh memenuhi keperluan asas kakitangan.

Faktor terendah yang kedua adalah hubungan dengan pengurusan atasan. Berdasarkan soal-selidik terdapat beberapa responden yang menyuarakan ketidakpuasan hati mereka seperti berikut:

- Kurangnya komunikasi dua hala antara kakitangan dan pengurusan atasan;
- Kesepakatan antara pihak atasan dan kakitangan adalah kurang yang mengakibatkan sedikit sebanyak telah menjejaskan hubungan baik antara kedua-dua pihak;
- Produktiviti kerja akan lebih meningkat jika kakitangan diletakkan di tempat yang bersesuaian; dan
- Kurang memainkan peranan dalam menjaga perkara-perkara yang dianggap sebagai sulit yang menyebabkan berlakunya ketidakpercayaan terhadap pihak terlibat untuk berbincang bersama pihak atasan PNM.

Walaupun terdapat segelintir kakitangan yang menyatakan tidak berpuas hati, namun majoriti berpuas hati dengan persekitaran bekerja di PNM hasil daripada sokongan dan galakan pengurusan atasan.

Faktor terendah yang terakhir adalah ganjaran dan pengiktirafan. Maklumbalas responden berkaitan dengan faktor ini adalah seperti berikut:

- Terdapat responden yang berasa kecewa kerana telah menjalankan tugas dengan baik tetapi tidak pernah menerima penghargaan daripada pihak bahagian mahupun jabatan;
- Memberikan insentif seperti APC kepada kakitangan senior yang telah berkhidmat lama dan menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang menjalankan tugas;



- Memberikan perhatian kepada kenaikan pangkat terutama bagi kumpulan pelaksana; dan
- Responden juga turut menyatakan agar jabatan memberi perhatian kepada kenaikan pangkat kumpulan sokongan dan pelaksana.

## Cadangan Penambahbaikan

Skor paling rendah dalam faktor kepuasan bekerja adalah kemudahan di tempat kerja, hubungan dengan pengurusan atasan, dan ganjaran dan pengiktirafan. Pihak pengurusan seharusnya cakna dan mengambil inisiatif untuk menambah baik kekurangan yang ada. Justeru, cadangan yang diberikan berpandukan hasil kajian dan pandangan yang diberikan oleh pihak responden dalam borang soal selidik adalah seperti berikut:

### i. Kemudahan di Tempat Kerja

- Menyediakan ruang kerja yang lebih selesa, seperti menukar meja dan kerusi yang telah rosak/usang kepada yang lebih baik.
- Membuat penyelenggaraan berkala yang lebih baik dan efektif.
- Menambah baik kemudahan ICT terutamanya menggantikan komputer-komputer lama sesuai dengan peredaran semasa dan menyediakan kemudahan internet yang baik.
- Menambah baik kemudahan asas seperti tandas, ruang parkir, surau serta pantri yang lebih selesa untuk kegunaan kakitangan PNM.

### ii. Hubungan dengan Pengurusan Atasan

- Memberi perhatian dan prihatin terhadap masalah kakitangan dan memahami situasi-situasi tertentu yang mengekang kakitangan melaksanakan tugas yang diberikan.
- Pihak pengurusan bersifat lebih terbuka dalam menerima kritikan dan cadangan yang membina walaupun pendapat tersebut diberikan oleh kakitangan bawahan.
- Pembahagian tugas yang lebih adil dan tidak membebankan satu pihak sahaja dan saling membantu dalam melaksanakan tugas yang diberikan.
- Saling menghormati sesama kakitangan tidak mengira pangkat dan gred bagi memastikan hubungan antara kakitangan dan juga pihak pengurusan atasan lebih kepada kekeluargaan.

### iii. Ganjaran dan Pengiktirafan

- Memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada kakitangan yang mempunyai prestasi cemerlang secara telus seperti insentif APC atau apa-apa pengiktirafan lain yang sesuai.
- Melaksanakan rotasi perjawatan dalam jabatan sesuai pangkat dan bakat kakitangan.
- Mengutamakan kakitangan yang berpotensi dan berprestasi untuk diberi kenaikan pangkat secara dalaman.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kepuasan bekerja warga jabatan iaitu warga PNM yang bertugas di ibu pejabat PNM dan PPANPs. Secara keseluruhannya, objektif kajian dapat dicapai di mana dapat dikenal pasti majoriti warga PNM mempunyai tahap kepuasan bekerja yang tinggi tetapi tidak 100% disebabkan beberapa bahagian hanya mencapai tahap sederhana. Untuk memastikan kepuasan bekerja akan lebih meningkat pada masa hadapan, beberapa aspek perlu dititikberatkan. Aspek-aspek tersebut termasuklah keprihatinan jabatan dalam memberikan kemudahan-kemudahan yang baik kepada kakitangan untuk memastikan mereka mampu melaksanakan tugas dalam keadaan yang selamat dan selesa. Seterusnya, hubungan yang baik antara kakitangan dan pengurusan atasan haruslah ditingkatkan. Hubungan yang baik antara kedua-dua pihak adalah untuk meningkatkan

semangat kekitaan demi mencapai misi dan visi jabatan. Selain itu, pihak jabatan perlu mengambil berat hal-hal berkaitan ganjaran dan pengiktirafan dengan memberikan tumpuan kepada kakitangan yang berpotensi dan mempunyai prestasi yang cemerlang agar tiada yang ketinggalan. Dengan itu, kakitangan akan berasa lebih disayangi dan diperlukan jabatan.

Dalam usaha memantapkan lagi keberkesanan pentadbiran PNM suatu kajian khusus mengenai tahap kepuasan bekerja harus dijalankan. Hal ini meliputi semua aspek visi dan misi Perpustakaan, suasana kerja, interaksi antara pekerja, orientasi pelanggan, dan sebagainya. Keperluan ruang kerja yang kondusif, peralatan dan penambahbaikan kemudahan asas lain dapat meningkatkan tahap kepuasan bekerja warga PNM. Pematuhan etika kerja yang betul mampu meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi dan dapat melahirkan warga kerja yang lebih progresif malah tahap kepuasan bekerja warga PNM akan lebih cemerlang.

Kepuasan bekerja sebenarnya adalah satu usaha yang berterusan dalam memastikan pembangunan kerjaya, dalam masa menolak jauh masalah-masalah yang mengganggu para pekerja. Dengan memastikan kepuasan yang tinggi mampu memacu ke arah melahirkan organisasi yang cemerlang dengan mencapai matlamat yang dirancang. Justeru, pihak pengurusan atau jabatan tidak harus memandang enteng akan hasil kajian ini bahkan seharusnya mengambil inisiatif untuk menambah baik kekurangan yang ada. Setiap warga jabatan juga seharusnya sentiasa memastikan diri masing-masing memberikan yang terbaik untuk jabatan dan meningkatkan tahap kepuasan bekerja agar berasa lebih seronok dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab masing-masing.

## Rujukan

- Agusramadani & Lia Amalia. (2018). The influence of job involvement and job satisfaction toward employee turnover intention (Case in Indonesia Broadcastin). *IOSR Journal of Business and Management*, 20(5), 11-18.
- Ahmad Jawahir Tugimin, Rosli Saadan Mohd Nizam, & Hazmilah Hasan (2009). Perkaitan persepsi terhadap organisasi dengan kepuasan bekerja dalam kalangan guru penolong kanan sekolah menengah negeri melaka (the relationship between perception towards organization and job satisfaction among senior assistants of secondary schools in M. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 2(1), 65-75.
- Ahmad Shaharuddin bin Abu Hassan Saari. (2009). *Faktor mempengaruhi kepuasan kerja dikalangan anggota Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) 3 Divisyen* [Master's thesis]. <http://studentsrepo.um.edu.my/3177/1/PENDAHULUAN.pdf> application/pdf
- Alonderiene, R., & Majauskaite, M. (2016). Leadership style and job satisfaction in higher education institutions. *International Journal of Educational Management*.
- Alshmemri, M., Shahwan-Akl, L., & Maude, P. (2017). Herzberg's two-factor theory. *Life Science Journal*, 14(5), 12-16.
- Baron, R. (1986). *Behavior in organizations*. Newton, MA: Allyn and Bacon.
- Bull, I. H. F. (2005). The relationship between job satisfaction and organization commitment amongst high school teachers in disadvantaged areas in the Western Cape (Tesis Master yang tidak diterbitkan).
- Chelladuraie P, (2003). Motivation performance of sport organization staff. *Journal of sport management*, 18: 73 -82.

- Faridahwati, M. S. (2006). Organisational misbehavior. *Akademika*, 69, 57-82.
- Faudziah Yusof. (2012). Kepuasan Kerja, Tret Optimistik, Keadilan Organisasi dan Hubungannya Dengan Prestasi Kerja. *Jurnal Kemanusiaan*, 19: 69- 82.
- Fitch, D. K. (1990). Job satisfaction among library support staff in Alabama academic libraries. *College & Research Libraries*, 51, 313 – 320.
- Frempong, L. N., Agbenyo, W., & Darko, P. A. (2018). The impact of job satisfaction on employees' loyalty and commitment: a comparative study among some selected sectors in Ghana. *European Journal of Business and Management*, 10(12), 95-105.
- Hasibuan, H. M. S. (2016). Manajemen, Dasar, Pengertian, dan Masalah.
- Harrison, J. Kline dan Hubbard, Russell. 1998. Antecedents to organizational commitmen among Mexican employees of a U.S firm in Mexico. *The Journal of Social Psychology*, Vol. 138, No. 5, pp. 609-623.
- Huang, Tung-Chun dan Hsiao, Wan-Jung. 2007. The causal relationship between job satisfaction and organizational commitmen. *Journal of Social Behavior and Personality*, Vol. 35, No. 9, pp. 1265-1275.
- Johnson, J. C., McClure, D. J., & Schneider, K. C. (1999). Job satisfaction of logistics managers: Female versus male perspectives. *Transportation Journal*, 39(1), 5-19.
- Junaidah Mohamad & Nik Rosila Nik Yaacob (2013). Kajian tentang kepuasan bekerja dalam kalangan Guru-guru pendidikan khas (a study on job satisfaction among special Education teachers). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 103-115.
- Kaliski, B.S. (2007). Encyclopedia of Business and Finance, Second edition, Thompson Gale, Detroit, p. 446.
- Khairunneezam M.N. (2008), 'Mewujudkan Kepuasan Bekerja', Utusan Malaysia, Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Khairunneezam Mohd Noor, Nor Azzah Momin, Hafizah Marzuki, Wan Fauriah Wan Samad, Zuraida Zakaria, Mohd Helmi Masor, (2016). Penggunaan kepakaran staf dan kaitannya dengan kepuasan bekerja di Universiti Sains Islam Malaysia. AL-ABQARI: *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Kiang, C. H., & Zakariya, Z. (2015). Perbezaan jantina tahap kepuasan bekerja di kalangan guru opsyen dan bukan opsyen di Pulau Pinang, Malaysia. *Management Research Journal*, 4, 145-158.
- Korunka, C, Weiss A., Karl Heinz Huemer and Bernd Karetta (1995). The effect of New Technology on Job Satisfaction and Psychosomatic Complaints. *Applied Psychology: An International Review*, 44(2): 123-142.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Kuuruzum, A., Cetin, E.I. dan Irmak, S. 2009. Path analysis of organizational commitment, job involvement and job satisfaction in Turkish hospitality industry, *Journal of Tourism Review*, Vol. 64, No. 1, pp. 4-16.

- Laura Koppes. (2014). *Historical Perspectives in Industrial and Organizational Psychology*. Edisi Ketiga. New York: Psychology Press.
- Leila, G. (2002). Stres dan kepuasan kerja. *Jurnal USU Digital Library*.
- Lily Suriani Mohd Arif, Ungku Norulkamar Ungku Ahmad & Siti Aisyah Abdul Rahman. (2004). Hubungan kepuasan komunikasi dengan komitmen terhadap organisasi di kalangan pekerja teknikal: Kajian kes di Flextronics International, Senai, Johor. Laporan Penyelidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Locke, E.A. (1976), "The nature and causes of job satisfaction", in Dunnette, M.D. (Ed.), *Handbook of Industrial and Organizational Psychology*, Rand McNally, Chicago, IL, pp. 1297-349.
- Ma, X., & MacMillan, R. B. (1999). Influences of workplace conditions on teachers' job satisfaction. *The Journal of Educational Research*, 93, 39–47.
- Maghradi, A. (1999). Assessing the effect of job satisfaction on managers. *International Journal of Value-Based Management*, 12, 1 – 12
- Mangkunegara, A.A. Anwar Prabu. 2006. *Evaluasi Kinerja Sumber Daya Manusia Perusahaan*. Bandung: PT. Refika Aditama.
- Martoyo, Susilo. 2007, *Manajemen Sumber Daya Manusia*, Edisi 5, Cetakan Pertama, BPFE Yogyakarta.
- Mertler, G. A. (2002). Job satisfaction and perception of motivation among middle and high school teacher. *American Secondary Education*, 31(1), 27–43.
- Mirfakhrai, M. H. (1991). Correlates of job satisfaction among academic librarians in the United States. *Journal of Library Administration*, 14, 117 – 131.
- Nilufar Ahsan, Zaini Abdullah, David Yong Gun Fie dan Syed Shah Alam (2009). A study of Job Stress on Job Satisfaction among Universities Staff in Malaysia: Empirical Study. *European Journal of Social Sciences*, 8(1): 121-131.
- Nitisemito, A.S. 1996. *Manajemen Sumber Daya Manusia*. Cetakan Sembilan. Edisi Ketiga. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Noorhafaiza Herliani Adey & Ferlis Hj. Bahari. (2010). Hubungan antara kecerdasan emosi, kepuasan bekerja dan komitmen terhadap organisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 8(2).
- Nor Mohamad Zulhairi Ismail, Jamalul Lail Abdul Wahab, & Ruzita Md Hassan. (2016). Kepuasan kerja guru dan perbedaannya berdasarkan pencapaian sekolah. *Jurnal Personalita Pelajar*, 19(1), 49-54. [http://journalarticle.ukm.my/10881/1/Artikel-5\\_Nor-Mohamad-Zulhairi-Ismail\\_FPend.pdf](http://journalarticle.ukm.my/10881/1/Artikel-5_Nor-Mohamad-Zulhairi-Ismail_FPend.pdf)
- Nor Liyana, M.B. & Mansor, A.T. (2010). "Tekanan Kerja, Motivasi dan Kepuasan bekerja Tentera Laut Armada Tentera Laut Diraja Malaysia". *Jurnal Kemanusiaan*. Bil. 15. pp. 46-62.
- Noraini Mohd Noor & Ruzilayati Rameli. (2011). Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan bekerja dalam kalangan guru teknikal sekolah menengah teknik daerah Johor Bahru. *Journal of Science & Mathematics Education*, (Tidak diterbitkan), 1-9.

- Nordin, N. & Hassan, M. M. (2019b). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Komitmen Prestasi Kerja dalam kalangan Penjawat Awam. Kajian Rintis di Jabatan Kemajuan Masyarakat, Negeri Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 11-20.  
doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i7.303>.
- Puspitawati, N. M. D., & Riana, I. G. (2014). Pengaruh kepuasan bekerja terhadap komitmen Organisasional dan kualitas layanan. Matrik: *Jurnal Manajemen, Strategi Bisnis dan Kewirausahaan*.
- Ramli Bin Haji Hasbi. (2000). Perkaitan Kepuasan bekerja Dengan Prestasi Kerja Di Kalangan Pekerja Di Industri Pembuatan. Universiti Malaysia Sarawak
- Sarimah Ismail., & Faridatul Akmar Talip (2010). Kepuasan bekerja staf akademik jabatan pendidikan teknikal dan kejuruteraan, fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 1-7.
- Schyns, B., Veldhoven, M. and Wood, S. (2009), "Organizational climate, relative psychological climate and job satisfaction: the example of supportive leadership climate", *Leadership & Organization Development Journal*, Vol. 30 No. 7, pp. 649-663.
- Sedarmayanti. 2001. Sumber Daya Manusia dan Produktivitas Kerja. Bandung: Mandar Maju.
- Sopiah. 2008. Perilaku Organisasi. Yogyakarta: CV. Andi Offset.
- Thuraya Othman (2007). Hubungan Burnout Dengan Kepuasan bekerja Di Kalangan Staf Jabatan Agama Johor. Tesis Ijazah Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.
- Togia, A., Koustelios, A., & Tsigilis, N. (2004). Job satisfaction among Greek academic librarians. *Library & Information Science Research*, 26(3), 373-383.
- Van Fleet, D. D., & Van Fleet, E. W. (2010). The violence volcano: Reducing the threat of workplace violence. IAP.
- Veloo, A., & Kiew, H. B. (2012). Hubungan antara kerja berpasukan dengan kepuasan bekerja ketua panitia sekolah menengah. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 19(1), 175-191.
- Yue-Xia C, (2009). Examining how the quality of internal services affects customer satisfaction: Taking the example of local tax agencies in Eastern Taiwan. MA Inservice Master's Program. Graduate Institute of Public Administration. National Dong Hwa University. Taiwan.
- Zaffar Ahmad Nadaf. (2018). Comparative study on job satisfaction of J&K Bank employees. *North Asian International Research Journal of Social Science & Humanities*, 4(1), 281-293.
- Zahavy, A. D., & Somech, A. (2001). Team heterogeneity and its relationship with team support and team effectiveness. *Journal o of Education Administration*, 40 (1), 44 – 66.



# PEMELIHARAAN KOLEKSI PERIBADI SEBAGAI KHAZANAH WARISAN INTELEKTUAL PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Rabiah Mohd Ali  
Penolong Pengarah  
Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu  
rabiah@pnm.gov.my

Jasreena Jamil  
Penolong Pengarah  
Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara,  
Perpustakaan Negara Malaysia  
jasreena@pnm.gov.my

Adam Zulkarnain Saleng  
Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia  
adam@pnm.gov.my

---

## Abstrak

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan pusat repositori terbesar bagi khazanah warisan intelektual negara. Penubuhan PNM adalah sebagai salah sebuah entiti yang terpenting dalam menayakan transformasi negara serta peranannya tidak boleh dinafikan lagi dari sudut pemeliharaan khazanah negara yang bernilai tinggi terutama bagi Koleksi Malaysiana. Antara Koleksi Malaysiana yang terdapat di PNM adalah Koleksi Peribadi yang merupakan salah satu koleksi yang terdapat di bawah Unit Koleksi Khas, Pusat Rujukan Malaysiana. Koleksi Khas adalah di antara koleksi yang amat berguna kepada para penyelidik yang ingin membuat kajian terhadap sesuatu bidang perkara atau tokoh-tokoh terkenal. Koleksi Peribadi ini selalunya menggambarkan tentang karakter dan pemikiran tokoh tersebut dan bagaimana sesebuah bahan penulisan atau bahan simpanan mencorakkan pelbagai cabang ilmu yang dapat dijadikan rujukan di zamannya. Warisan ilmu yang dirakam sama ada secara tersurat atau tersirat dalam pelbagai bidang perkara telah diabadikan dalam setiap karya tokoh-tokoh dan inilah yang menjadikan Koleksi Peribadi menjadi unik dan sangat bernilai. Langkah-langkah yang diambil oleh PNM bagi memperkasakan Koleksi Peribadi harus diutamakan kerana koleksi ini merupakan khazanah warisan intelektual yang wajar dipelihara dan dikongsi bersama, bukan sahaja untuk masyarakat tempatan bahkan juga kepada masyarakat global. Pemantapan perkhidmatan Koleksi Peribadi dari segi proses pengesanan, perolehan, pemuliharaan, pendigitalan dan promosi yang memenuhi keperluan trend semasa dan perubahan permintaan pengguna yang lebih mencabar perlu dikenal pasti bagi memastikan Koleksi Peribadi dapat terus dipelihara untuk rujukan generasi akan datang.

**Kata kunci:** Koleksi Peribadi, Koleksi Khas, Pemeliharaan, Pemuliharaan, Pendigitalan



## Pengenalan

Bahan perpustakaan merupakan khazanah ilmu yang tersimpan di dalam koleksi sesebuah institusi. Koleksi yang terkandung di dalamnya berperanan besar kepada perkembangan pembangunan dan kebudayaan sesuatu bangsa. Sebagai sebuah Perpustakaan Negara bagi Malaysia, sewajarnya Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menjadi tonggak utama sebagai institusi yang menyimpan, mendokumentasi dan memelihara pencapaian intelek bagi memori sejarah dan kebudayaan negara dalam bentuk bercetak dan digital. PNM merupakan pusat repositori terbesar bagi khazanah warisan intelektual negara yang ditubuhkan selaras dengan Undang-Undang Malaysia Akta 80 – Akta Perpustakaan Negara 1972 (mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006), Bahagian II (3) yang menyatakan penubuhan PNM berperanan sebagai:

*‘(a) menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan; (b) memudahkan capaian seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri; dan (c) mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan’.*

Ini menjelaskan kepentingan penubuhan PNM dalam konteks hala tuju pendidikan dan budaya negara adalah di landasan yang betul. Oleh itu, sebagai salah sebuah entiti yang terpenting dalam menjayakan transformasi negara, peranan PNM tidak boleh dinafikan lagi dari sudut pemeliharaan khazanah negara yang bernilai tinggi. Penubuhan bahagian yang dikenali sebagai Pusat Rujukan Malaysiana merupakan bahagian yang menjadi tumpuan rujukan utama pengguna yang datang daripada pelbagai latar belakang. Perkhidmatan yang diberikan adalah bagi membantu pengguna menggunakan perkhidmatan dan koleksi dengan berkesan. Di antara koleksi yang terdapat di bawah Pusat Rujukan Malaysiana adalah Koleksi Khas, Koleksi Terbitan Bersiri, Koleksi Monograf yang merangkumi Koleksi Rujukan Sekolah dan Koleksi Pempakejan Maklumat. Artikel ini akan menerangkan mengenai Koleksi Peribadi yang terdapat di dalam Koleksi Khas yang dianggap satu koleksi penting dan perlu dipelihara sebagai rujukan utama dalam Koleksi Malaysiana PNM.

## Koleksi Khas

Koleksi Khas merupakan antara koleksi yang memainkan peranan penting dalam memberikan rujukan yang boleh dikaji dan dihayati oleh generasi kini dan akan datang. Koleksi ini merangkumi Koleksi Peribadi, Koleksi Nadir, Koleksi Fana, Koleksi Arkib PNM dan Koleksi Terperingkat (haram/sulit/terhad) (Jasreena Jamil et al., 2021). Terdapat dasar yang digubal bagi tujuan pemeliharaan Koleksi Khas ini iaitu Dasar Koleksi Khas PNM (PNM/DS/19) iaitu memastikan bahan koleksi khas dikesan, diperolehi, disediakan dan diurus secara baik untuk tujuan rujukan dan penyelidikan intelektual bangsa Malaysia sejajar dengan peranannya sebagai Pusat Rujukan Kebangsaan. Dasar ini juga bagi memenuhi fungsi PNM selaras dengan Akta 80 - Akta Perpustakaan Negara (pindaan) 1987, Bahagian II, Seksyen 3(a) dan untuk memenuhi matlamat Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat iaitu untuk memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan negara serta membolehkan PNM berperanan sebagai Pusat Kecemerlangan Maklumat Malaysiana dan Pusat Rujukan Negara.

Koleksi Khas kebiasaannya diurus secara berasingan berbanding dengan koleksi yang ada di sesebuah perpustakaan. Koleksi Khas memerlukan penjagaan yang sangat rapi termasuklah pemuliharaan, pemeliharaan serta tatacara mengakses bahan berkenaan untuk rujukan. Merujuk kepada Dasar Koleksi Khas tahun 2012, Koleksi Khas boleh ditakrifkan sebagai:

- i) Koleksi Khas Malaysiana yang terdiri daripada bahan nadir, koleksi peribadi, bahan terperingkat (haram/sulit/terhad), koleksi fana atau ephemeral (brosur, setem, sampul surat hari pertama, poskad, poster, lencana dan lain-lain) dan koleksi arkib PNM;

- ii) Koleksi Khas Luar Negara seperti koleksi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Harvard dan ASEAN; dan
- iii) Koleksi bahan-bahan lain yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Jabatan.

PNM mempunyai lebih kurang 154,000 naskhah Koleksi Khas yang disimpan dan dijaga sebagai koleksi rujukan. Koleksi Nadir dan Koleksi Arkib PNM adalah bahan yang terawal sebagai bahan Koleksi Khas yang diperolehi pada tahun 1973 dan seterusnya Koleksi Peribadi, Koleksi Fana, Koleksi Peta, dan Koleksi Terperingkat. Jadual 1 menunjukkan jenis Koleksi Khas yang diterima oleh PNM.

Jadual 1: Statistik Penerimaan Koleksi Khas PNM

Bil.	Tahun Penerimaan	Jenis Koleksi	Judul	Naskhah
1.	1973	Koleksi Arkib PNM	4,844	75,390
2.	1973	Koleksi Nadir	3,250	4,263
3.	1994	Koleksi Peribadi	29,086	37,537
4.	1995	Koleksi Fana	16,213	26,129
5.	-	Koleksi Terperingkat	775	1,087
6.	2004	Koleksi Peta	5,046	10,445
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>59,214</b>	<b>154,851</b>

## Koleksi Peribadi

Koleksi Peribadi merupakan salah satu jenis koleksi yang terdapat dalam Koleksi Khas. Koleksi Peribadi boleh ditakrifkan sebagai himpunan ilmu dan maklumat yang dimiliki oleh orang perseorangan, tokoh ilmunan, cendekiawan, budayawan, negarawan atau pengkaji yang banyak memberi sumbangan kepada ketamadunan manusia (Perpustakaan Negara Malaysia, 2019; Jasreena Jamil et al., 2021). Kebanyakan bahan dalam Koleksi Peribadi adalah koleksi penulisan asli oleh seseorang tokoh atau orang terkenal dan juga koleksi bahan yang disimpan dalam pelbagai bidang perkara. Koleksi Peribadi ini selalunya menggambarkan karakter dan pemikiran tokoh tersebut bagaimana sesebuah bahan penulisan atau bahan simpanan mencorakkan pelbagai cabang ilmu yang dapat dijadikan rujukan di zamannya.

Koleksi Peribadi terdiri daripada bahan yang dikumpul oleh seseorang tokoh atau orang berpengaruh pada zamannya melalui koleksi bahan kegemaran, minat atau kajian dalam pelbagai bidang seperti kesusasteraan, sejarah, penulisan, seni bina, agama, kebudayaan dan lain-lain. Mengikut Garis Panduan Penilaian Koleksi Peribadi dan Bahan Nadir, Koleksi Peribadi juga merujuk kepada himpunan bahan yang dikumpul oleh seseorang tokoh sebagai milik peribadinya yang mengandungi bahan-bahan dalam bidang kajian tokoh tersebut termasuk bahan-bahan yang dihasilkannya sendiri. Bahan-bahan dalam Koleksi Peribadi merangkumi buku, jurnal, artikel, manuskrip, dokumen, risalah, salasilah, gambar, surat, keratan akhbar, fail, lukisan, carta dan brosur. Maklumat yang terkandung dalam Koleksi Peribadi ini amat berguna untuk para penyelidik membuat kajian terhadap sesuatu bidang perkara ataupun yang menjalankan penyelidikan tentang tokoh tersebut.

Dalam usaha memelihara Koleksi Peribadi ini, PNM telah membangunkan Koleksi Peribadi sejak tahun 1994 lagi. Pembangunan ini bermula dengan pembelian Koleksi Peribadi Abdul Rahman Al-Ahmadi sebanyak 3,183 naskhah untuk disimpan di PNM sebagai bahan rujukan. Perolehan bahan koleksi ini adalah secara pembelian daripada tokoh/individu tertentu merangkumi buku, jurnal, skrip drama, artikel, manuskrip tulisan tangan, dokumen, risalah, salasilah, gambar foto, surat, keratan akhbar, lukisan, carta, brosur, dan banyak lagi. Sehingga Mac 2022, jumlah koleksi peribadi yang terdapat di PNM adalah sebanyak 29,110 judul dan 37,561 naskhah daripada koleksi 22 tokoh di Malaysia. Jadual 2 menunjukkan statistik Koleksi Peribadi yang terdapat di PNM mengikut tokoh dari tahun 1994 hingga 2020.

Jadual 2: Statistik Koleksi Peribadi Mengikut Tokoh dari tahun 1994 hingga 2020.

Bil.	Tahun Penerimaan	Koleksi	Jumlah Keseluruhan	
			Judul	Naskhah
1.	1994	Abdul Rahman Al-Ahmadi	3,183	5,242
2.	1995	John Bastin	3,079	3,079
3.	1997	Che Ismail Che Daud	650	1,206
4.	1997	Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)	13	76
5.	1998	Aziz Jahpin	202	205
6.	1999	Abd Halim Nasir (N.A Halim)	63	3,606
7.	2002	Abd Karim Abdullah (Bung Karim)	4,344	4,344
8.	2002	Said Zahari	2,287	2,287
9.	2003	Mohd Idris Kamaruddin	290	290
10.	2004	Naharuddin Haji Ali	42	43
11.	2005	Rosidi Semail (Rossem)	28	2,234
12.	2006	Zaid Ahmad	278	285
13.	2007	Zainal Buang Hussein	1,161	1,161
14.	2008	Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)	245	245
15.	2008	A. Samad Said	5,488	5,488
16.	2009	Noordin Hassan	3,136	3,136
17.	2015	Wan Mohd Shaghbir Abdullah	135	135
18.	2015	Abdullah Hussain	1,059	1,072
19.	2017	Muhammad Haji Salleh	871	871
20.	2019	S. Othman Kelantan	5	5
21.	2019	Anwar Ridhwan	699	699
22.	2020	Talib Samat	1,852	1,852
<b>JUMLAH</b>			<b>29,110</b>	<b>37,561</b>

Koleksi Peribadi yang dianggap warisan dokumen yang berharga dan unik adalah seperti Koleksi Peribadi Sasterawan Negara A. Samad Said yang mengandungi koleksi manuskrip tulisan tangan. Begitu juga dengan koleksi Abdul Rahman Al-Ahmadi, Abdullah Hussain, Ishak Haji Muhammad, Zainal Buang Hussein, Rosidi Semail (Rossem), dan Abd. Halim Nasir. Setiap Koleksi Peribadi mempunyai penceritaan, asal-usul dan sejarah yang hanya mereka sahaja ketahui. Oleh itu, usaha memelihara koleksi ini amat perlu dan penting agar nilai sejarah dapat dikekalkan pada masa akan datang. Berikut merupakan huraian ringkas beberapa Koleksi Peribadi terpilih iaitu Koleksi Peribadi Abdul Rahman Al-Ahmadi, John Bastin dan A. Samad Said.

#### i. Koleksi Peribadi Abdul Rahman Al-Ahmadi

Koleksi Abdul Rahman Al-Ahmadi merupakan koleksi yang terawal dimiliki oleh PNM. Beliau merupakan antara nama yang cukup hebat dalam kalangan ahli sastera dan agamawan terutamanya di Kelantan. Beliau sangat aktif menulis berkaitan dengan agama, sejarah, falsafah, sastera, politik dan kebudayaan. Banyak hasil karya beliau telah diterjemahkan ke dalam bahasa asing. Karya-karya beliau juga turut disiarkan di beberapa majalah tempatan seperti *Mingguan Kota Bharu*, *Pengasuh*, *Dian*, *Warisan Kelantan*, *Dewan Budaya*, *Dewan Bahasa* dan lain-lain majalah terbitan tempatan dan

luar negara seperti di Jakarta dan Yogyakarta. Koleksi beliau yang disimpan di PNM merangkumi bahan mengenai perkembangan sejarah pendidikan pondok di sekitar negeri Kelantan. Ini termasuklah novel, kitab tajwid, syair, majalah dan karya ulama. Koleksi beliau juga mempunyai koleksi para ulama yang terkenal di Kelantan seperti Haji Nik Mahmud, Sheikh Haji Wan Ali, Haji Umar Nuruddin, Haji Ahmad Mahir dan Haji Nik Mahmud (Perpustakaan Negara Malaysia, 2020c). Hasil karya beliau juga telah diterbitkan oleh PNM iaitu buku yang berjudul 'Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi'.



Gambar 1: Koleksi Peribadi Abdul Rahman Al-Ahmadi

## ii. Koleksi Peribadi John Bastin

Koleksi Peribadi John Bastin merupakan koleksi terbesar yang pernah diperoleh oleh PNM melalui perolehan The Malayan Library of John Bastin pada tahun 1995 (Perpustakaan Negara Malaysia, 2020c). Beliau adalah sejarawan yang banyak mengkaji mengenai Tanah Melayu dan Indonesia. Koleksi beliau merangkumi bidang sejarah Tanah Melayu termasuk berkenaan politik, pentadbiran, kebudayaan, pendidikan, geografi, alam semulajadi, Perang Dunia ke-2, penaklukan Jepun ke atas Malaya dan Singapura serta zaman darurat Komunis Malaya. Kesemua koleksi beliau adalah terbitan sekitar abad ke-19 dan ke-20. Koleksi beliau yang terdapat di PNM juga telah dikaji oleh Karyawan Tamu yang dilantik oleh PNM iaitu Prof. Dr. Tatiana Denisova. Hasil kajian beliau telah diterbitkan oleh PNM yang berjudul 'Sumber Historiografi Alam Melayu: Koleksi John Bastin'.



Gambar 2: Koleksi Peribadi John Bastin



### iii. Koleksi Peribadi A. Samad Said

A. Samad Said merupakan nama yang tidak asing lagi dalam kalangan ahli sastera negara dalam dan luar negara. Beliau dikenali sebagai novelis dan pemuisi yang telah menghasilkan banyak hasil karya dan telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Jepun dan Sepanyol. Beliau telah menerima Anugerah Sastera Negara pada tahun 1985 yang telah mengangkat nama beliau sebagai Sasterawan Negara ke-4. (Perpustakaan Negara Malaysia, 2020a). Novel Salina dihasilkan ketika beliau berumur 23 tahun merupakan karya agung dan terkenal sehingga ke peringkat antarabangsa. Koleksi beliau yang terdapat di PNM meliputi novel hasil karya beliau sendiri, novel-novel yang dibaca oleh beliau, himpunan puisi dan cerpen, kritikan sastera, manuskrip tulisan tangan serta gambar foto. Kebanyakan buku-buku yang telah dibaca oleh beliau telah ditandakan dengan pen yang menunjukkan komen-komen beliau ke atas naskhah yang dibaca.



Gambar 3: Koleksi Peribadi A. Samad Said

## Dasar dan Peraturan Pemeliharaan Koleksi Peribadi

Pembangunan dasar, polisi, standard, pekeliling dan garis panduan sangat penting bagi sesebuah organisasi kerana ia mengandungi arahan, peraturan dan panduan yang perlu dibaca dan dipatuhi oleh setiap agensi kerajaan dalam melaksanakan pembangunan dan perkhidmatan kerajaan (MAMPU, 2021). Setiap dasar dan peraturan yang diwujudkan mempunyai objektif dan strategi pelaksanaan bagi memastikan hala tuju sebuah organisasi. Dalam proses pemeliharaan Koleksi Khas, beberapa dasar dan peraturan telah dibangunkan sebagai panduan iaitu:

- i. PNM/DS/19 - Dasar Koleksi Khas;
- ii. PNM/DS/25 - Dasar Pembangunan Koleksi;
- iii. PNM/DS/08 - Dasar Pemeliharaan dan Pemuliharaan Koleksi Perpustakaan;
- iv. PNM/DS/24 - Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan;
- v. P.U. (A) 222 - Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) (Pindaan) 2015;
- vi. P.U. (A) 294 - Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Pindaan) 1993; dan
- vii. P.U. (A) 365 - Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Pindaan) 1977.



Rajah 1: Pelaksanaan Aktiviti di bawah Dasar Koleksi Khas

## Pengesanan dan Perolehan Koleksi Peribadi

PNM perlu memelihara dan memulihara Koleksi Peribadi dengan merujuk kepada Garis Panduan Penilaian Koleksi Peribadi dan Bahan Nadir yang telah disediakan agar koleksi ini terpelihara sebagai aset yang berharga. Oleh itu, perolehan Koleksi Peribadi perlu dijalankan secara terancang dan berterusan bagi memastikan warisan intelektual negara ini dipelihara dengan baik untuk generasi akan datang. Pemerolehan Koleksi Peribadi perlu mendapatkan persetujuan daripada tokoh itu sendiri atau waris yang bersetuju untuk menyerahkan koleksi berkenaan kepada PNM. Sebagai menghargai sumbangan tokoh berkenaan, pihak PNM akan memberi penghargaan dalam bentuk wang saguhati kepada tokoh atau waris berkenaan.

Proses pengesanan dan perolehan bahan adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pembinaan Koleksi (BPK) PNM. BPK mempunyai peranan yang penting dari segi pembangunan Koleksi Khas di PNM. Bahagian ini bertanggungjawab dalam pemilihan bahan Koleksi Peribadi dan proses pengesanan tokoh akan dijalankan berdasarkan kepada sumbangan tokoh berkenaan kepada bangsa dan negara sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Pengesanan dilakukan melalui beberapa kaedah seperti lawatan ke rumah tokoh, pencarian bahan melalui katalog, surat-menyurat, rujukan, lawatan ke kedai buku antik (antiquarian) dan orang perseorangan.

Proses penilaian bahan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Bahan. Perolehan dan penetapan harga Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi adalah mengikut ketetapan Garis Panduan Penilaian Koleksi Peribadi dan Bahan Nadir. Terdapat beberapa kriteria yang perlu dipatuhi dalam proses penilaian dan pemilihan seperti berikut:

### i. Keterampilan dan Ketokohan Pemilik Koleksi

Tokoh yang dipilih adalah dalam kalangan yang tersohor dalam sesuatu bidang dan memberikan sumbangan terhadap Negara terutama bidang keilmuan. Tokoh tersebut juga telah menghasilkan karya dalam bentuk penulisan dalam bidang yang tertentu.

### ii. Keunikan Koleksi

Keunikan koleksi akan dinilai dari segi manuskrip asal karya tokoh, gambar foto dan gambar yang berkaitan dengan karya/penerbitan tokoh, surat atau dokumen peribadi, catatan tangan tokoh, artifak dan lain-lain yang berkaitan.

### iii. Kepentingan Terhadap Kajian dan Penyelidikan

Keutamaan akan diberikan kepada ketulenan idea tokoh dalam menghasilkan karya. Selain itu, koleksi yang dipilih juga perlu mempunyai nilai dan dapat menggambarkan tahap pemikiran dan keintelektualan seseorang tokoh. Nilai sejarah yang ada pada sesuatu koleksi juga diutamakan di dalam pemilihan. Koleksi yang menyentuh secara menyeluruh dalam sesuatu bidang penyelidikan dan juga kandungan tempatan merupakan antara kriteria pemilihan koleksi.

### iv. Keadaan Fizikal Bahan

Bahan yang dipilih hendaklah dalam keadaan yang baik dan masih boleh dirujuk. Selain itu, isi kandungan yang lengkap dan ketebalan bahan juga diutamakan.

### v. Kenadiran Koleksi

Keutamaan pilihan juga diberikan kepada bahan yang tidak pernah ditemui di mana-mana institusi di dalam negara termasuk PNM sendiri. Sekiranya ada, bilangannya adalah terhad. Selain itu, bahan yang sukar diperoleh, tidak diterbitkan lagi atau terbitan lama merupakan antara perkara yang akan dinilai dalam pemilihan bahan.

(Sumber: Garis Panduan Penilaian Koleksi Peribadi dan Bahan Nadir)

## Pemeliharaan dan Pemuliharaan Koleksi Peribadi

Kehilangan dan kerosakan bahan perpustakaan akan menjadi tumpuan utama di setiap perpustakaan. Oleh itu adalah wajar bagi setiap perpustakaan memastikan bahan mereka dipelihara dan dipulihara dalam apa jua kaedah sekalipun. Untuk memelihara sesuatu bahan, pelbagai perkara yang perlu dititikberatkan iaitu dari segi nilai dan keperluan bahan sama ada untuk kegunaan pembelajaran, politik, impak kepada ekonomi, dan masyarakat. Pemeliharaan bermaksud satu kaedah yang khusus untuk memperlakukan kemerosotan dan memanjangkan hayat sesuatu objek (IFLA Core Programme on Preservation and Conservation (PAC) et al., 1999). Pernyataan ini disokong oleh Ejiroghene (2020) yang mengatakan pemeliharaan adalah satu kaedah rawatan bahan perpustakaan untuk menstabilkan struktur fizikal dan mengekalkan bentuk dalam format yang asal. Manakala pemuliharaan bermaksud pengurusan dari segi teknikal dan kewangan yang digunakan bagi melambatkan kemerosotan dan memanjangkan hayat sesuatu bahan (Walker, 2013).

Koleksi Khas terutama Koleksi Peribadi disimpan Koleksi Peribadi diletakkan di bilik berasingan daripada koleksi di rak terbuka kerana nilainya yang tinggi. Selain itu, kebanyakan koleksi ini juga telah diterbitkan sekitar tahun 1800 dan ini menyebabkan bahan-bahan berkenaan mudah rapuh dan memerlukan penjagaan yang rapi. Kilmarx et al. (2020) di dalam artikelnya menyatakan pustakawan yang mengurus Koleksi Khas perlu memastikan bahawa bahan di bawah jagaan mereka sentiasa kekal selamat dan dilindungi daripada semua ancaman alam sekitar dalaman dan luaran, kecurian dan kerosakan. Antara ancaman yang dihadapi seperti cara pengendalian atau penyimpanan yang tidak terurus, kecurian atau vandalisme, kebakaran atau banjir, makhluk perosak, pencemaran udara, kawalan cahaya, suhu dan kelembapan yang tidak mengikut piawaian atau standard yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan bahan berkenaan kekal lama, pemantauan yang tinggi amat diperlukan. Bilik simpanan akan dijaga dari segi suhu dan kelembapan agar bahan berkenaan tidak mudah rosak. Secara amnya, bahan-bahan di bawah Koleksi Khas perlu disimpan dan digunakan dalam keadaan yang stabil di mana bilik simpanan tidak terlalu panas, kering atau lembap. Kawalan suhu bilik yang terbaik adalah di antara 18°C - 23°C, manakala kawalan kelembapan adalah di antara 50% RH - 55% RH. Suhu dan kelembapan bilik ini akan direkod setiap hari bagi memastikan ianya dalam keadaan terkawal. Pemantauan secara berkala akan dilakukan oleh Bahagian Pemuliharaan (BP) PNM bagi menjaga kualiti pengudaraan bilik penyimpanan Koleksi Peribadi. Kakitangan BP yang juga dikenali sebagai Dr. Buku merupakan kakitangan terlatih yang telah mengikuti kursus pemuliharaan bahan dan setiap proses akan dijalankan mengikut



standard yang telah ditetapkan. Semasa proses pemuliharaan Koleksi Peribadi yang rosak diasingkan dan dinilai bentuk kerosakan bahan yang dihadapi. Proses pemuliharaan bahan akan dilakukan oleh Dr. Buku adalah seperti penyhasidan, pembaikan tisu, penjilidan dan pemewasapan.

## Proses Pendigitalan Bahan Koleksi Peribadi

Pendigitalan merupakan salah satu kaedah bagi memastikan koleksi dapat dipelihara dan jangka hayat bahan berkenaan dapat bertahan dalam tempoh masa yang lama. Ini membolehkan maklumat atau bahan yang didigitalkan dapat diakses dan dirujuk oleh pengguna tanpa merosakkan bahan asal. Koleksi Peribadi juga terlibat dengan pendigitalan bagi memudahkan rujukan secara dalam talian dan pengguna dapat mengakses bahan tersebut. Menurut Prochaska (2009), proses untuk mendigitalkan koleksi khas sangat rumit kerana ia melibatkan politik, isu undang-undang atau hak cipta dan organisasi. Walau bagaimanapun perkara ini dapat diatasi melalui persefahaman antara kedua pihak. Oleh itu, Kilmarx (2020) mengatakan bahawa satu standard dan amalan terbaik perlu dibangunkan dengan mengambil kira dasar sesebuah institusi bagi mengatasi perkara-perkara tersebut.

Proses pendigitalan dilaksanakan oleh Bahagian Kandungan Digital (BKD) PNM setiap tahun secara terancang melalui Jawatankuasa Pemilihan Bahan. Sehingga kini, jumlah Koleksi Peribadi yang telah didigitalkan adalah sebanyak 2,858 judul. Jadual 3 menunjukkan statistik Koleksi Peribadi yang telah didigitalkan:

Jadual 3: Statistik Koleksi Peribadi yang telah didigitalkan bagi tahun 2017 hingga 2021


Julat Skor Min	Purata %	Kategori
4.1-5.0	> 80%	Sangat Tinggi/Cemerlang
3.51-4.00	60%-79%	Tinggi/Baik
2.51-3.5	40-59%	Sederhana
1.1-2.5	20-39%	Rendah
0.1-1.0	0-19%	Sangat Rendah

## MyRepositori PNM

MyRepositori PNM merupakan satu platform yang mengumpulkan koleksi PNM sebagai khazanah digital negara bagi memastikannya koleksi ini dapat diakses tanpa sempadan. Projek ini bermula pada tahun 2017 di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RP2) dan proses pendigitalan bahan dilakukan oleh syarikat/vendor yang telah dilantik. MyRepositori PNM adalah salah satu komponen projek Pembangunan U-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara Perpustakaan Negara Malaysia. Merujuk kepada Dasar Pendigitalan, pemilihan bahan untuk pendigitalan adalah seperti berikut:

- i. Bahan yang mempunyai nilai sejarah dan budaya;
- ii. Bahan koleksi khas;
- iii. Bahan yang mempunyai permintaan yang tinggi;
- iv. Bahan yang dipilih untuk aktiviti penerbitan atau pameran Jabatan;
- v. Bahan yang telah luput tempoh hak cipta atau mendapat kebenaran untuk didigitalkan;
- vi. Bahan yang mempunyai akses yang terhad disebabkan keadaan fizikal yang uzur, bernilai tinggi, sukar diperolehi; dan
- vii. Bahan yang tidak diketahui kewujudannya dalam koleksi atau tidak digunakan, boleh didigitalkan oleh perpustakaan sebagai kaedah promosi bagi meningkatkan minat pengguna untuk menggunakannya.

Di antara koleksi yang terdapat di dalam MyRepositori PNM adalah seperti Koleksi Negara, Koleksi Peribadi, Koleksi Nadir, Koleksi Terbitan Jabatan, Pempakejan Maklumat, Koleksi Manuskrip Melayu dan Koleksi Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Pengguna dapat mengakses koleksi yang telah didigitalkan dalam bentuk PDF melalui portal MyRepositori PNM.



Gambar 4: Portal MyRepositori PNM

## Perkhidmatan Rujukan Koleksi Peribadi

Tanggungjawab utama PNM adalah menyediakan perkhidmatan rujukan secara fizikal atau dalam talian bagi memastikan PNM dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna. Selain itu, perhubungan yang baik di antara pengguna dan PNM juga dapat mempromosikan perkhidmatan dalam jangka masa yang panjang. Perkhidmatan rujukan Koleksi Peribadi terletak di Aras 10, Menara PNM dan waktu perkhidmatan adalah pada setiap hari Selasa hingga Jumaat, jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang. Oleh kerana Koleksi Peribadi merupakan salah satu koleksi di bawah Koleksi Khas, oleh itu pengguna tidak dapat mengakses secara terus di atas rak bahan-bahan berkenaan. Pengguna perlu menyemak senarai Koleksi Peribadi melalui laman sesawang OPAC PNM (<https://opac.pnm.gov.my>), MyRepositori PNM atau melalui Katalog Beranotasi Koleksi Peribadi yang terdapat di Aras 10, Menara PNM. Selain itu, pengguna juga dapat mengakses Koleksi Peribadi yang telah didigitalkan dalam bentuk PDF melalui Kiosk Digital @ PNM di mana pengguna dapat melayari koleksi seolah-oleh mereka mencari atau membelek buku di atas rak. Perkhidmatan lain yang disediakan adalah perkhidmatan mengimbas dan menyalin bahan Koleksi Peribadi dan ini adalah tertakluk di bawah P.U. (A) 222 iaitu Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Bayaran dan Denda) (Pindaan) 2015.



Gambar 5: Kiosk Digital @PNM

## Peranan PNM dalam Pembangunan Koleksi Peribadi

Pembangunan teknologi maklumat yang berterusan telah meluaskan perkhidmatan perpustakaan seterusnya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan (Li, 2019). Perubahan teknologi digital terutama IR4.0 kini telah menyebabkan kehendak pengguna juga turut berubah dan memberi impak yang cukup besar kepada perkhidmatan perpustakaan. Malah, PNM sendiri sentiasa mengambil langkah proaktif dalam meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna. Trend semasa pengguna yang sentiasa berubah menyebabkan PNM sentiasa peka bagi memastikan perkhidmatannya relevan dan berupaya memenuhi permintaan pengguna dari masa ke masa. Di antara peranan PNM dalam memantapkan pembangunan Koleksi Peribadi adalah:

### **i. Menyumbang kepada khazanah warisan ilmu bagi bangsa dan negara**

Koleksi Peribadi adalah lambang kearifan seorang tokoh yang harus dipelihara. Selain itu, koleksi ini juga mempunyai pertalian erat dengan pertumbuhan dan perkembangan kesusasteraan masyarakat Melayu. Justeru, usaha mengangkat koleksi ini akan menyumbang kepada peradaban bangsa dan negara serta ia menjadi asas perencanaan pembangunan semasa dan akan datang.

### **ii. Melengkapkan bahan-bahan kesusasteraan dan sejarah bangsa dan negara**

Sejarah adalah sesuatu yang amat penting untuk dipertahankan dan menjadi bukti kegemilangan dan jerit perih sesuatu bangsa dan negara. Koleksi Peribadi merupakan salah satu penyumbang kepada bahan-bahan sejarah yang amat bernilai pada masa kini dan akan datang. Tokoh ilmuwan yang telah mengabadikan ilmu pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang wajar dimartabatkan. Ini adalah kerana hasil karya mereka telah memberi impak yang cukup besar kepada pembangunan dan kebudayaan negara.

### **iii. Menjadikan koleksi peribadi sebagai bahan rujukan dan penyelidikan yang terpenting kepada penyelidik**

Koleksi Peribadi merupakan sumber rujukan terpenting yang mempunyai nilai maklumat yang tinggi. Perkembangan pemikiran dan penulisan boleh dilihat di dalam setiap hasil karya mereka. Malah cara mereka berfikir dan menulis juga berbeza antara satu sama lain. Ini menunjukkan setiap hasil karya tokoh-tokoh tersebut mempunyai nilai yang tersendiri. Sumber primer seperti lakaran dan draf asal sesuatu penulisan tidak akan dijumpai di mana-mana sumber lain dan ini menjadikan koleksi ini sangat unik dan berharga. Pengumpulan dan penyimpanan Koleksi Peribadi di PNM adalah sangat penting dan menjadi bukti bahawa pencapaian dan kegemilangan sesuatu bangsa boleh dinikmati oleh generasi kini dan menjadi motivasi kepada generasi akan datang.

### **iv. Menghargai dan mengangkat jasa tokoh ilmu negara**

Tokoh yang menyumbang kepada keintelektualan negara wajar dihargai dan disanjung melalui cara yang terbaik. Usaha yang dilaksanakan oleh PNM untuk mengangkat jasa mereka ialah dengan memelihara koleksi yang dihasilkan melalui ilmu yang terakam di dalam koleksi mereka. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab PNM dalam memelihara dan menyebarkan atau mempromosikan koleksi yang diperolehi agar ia dapat dirujuk oleh generasi akan datang.

### **v. Mempromosi Koleksi Peribadi melalui pelbagai medium**

Promosi sering digunakan untuk meningkatkan kesedaran, menyediakan akses kepada perkhidmatan, dan melibatkan individu untuk mengambil bahagian dalam aktiviti komuniti, projek penyelidikan atau promosi (Joly et al., 2012). PNM sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mengadakan program yang bersesuaian untuk setiap peringkat umur bagi mempromosikan tokoh beserta koleksi yang terdapat di dalamnya. Usaha ini memberi peluang

kepada masyarakat untuk mengakses Koleksi Peribadi tanpa perlu berurusan di kaunter. PNM juga sentiasa mengambil inisiatif untuk menjadikan Koleksi Peribadi dapat dirujuk semaksimum yang mungkin oleh pengguna. Program ini sekaligus membantu meningkatkan statistik penggunaan perkhidmatan perpustakaan, mengangkat dan mempromosi Koleksi Peribadi. Antara promosi yang telah diadakan bagi menyemarakkan lagi penggunaan Koleksi Peribadi adalah seperti berikut:

**i. Media sosial PNM**

Adalah penting bagi sebuah organisasi memastikan koleksi yang mereka ada disebar luas kepada masyarakat umumnya. Ini adalah bagi menyedarkan masyarakat akan kewujudan koleksi yang terdapat di organisasi tersebut. PNM tidak ketinggalan dalam mengadakan promosi secara berkala melalui media sosial PNM seperti Facebook, Instagram, Twitter dan Tik Tok. Apabila promosi dijalankan secara terancang, terdapat peningkatan penggunaan, pendidikan pengguna dan perubahan persepsi oleh pengguna terhadap PNM.

**ii. Program Kalam Karyawan**

Program Kalam Karyawan telah diadakan secara fizikal dan maya ini telah mula diadakan pada tahun 2017 dan ia merupakan di antara program utama PNM dalam memartabatkan Koleksi Peribadi PNM. Sehingga kini 7 orang tokoh telah dijemput bagi berkongsi pengalaman, teknik penulisan dan corak pemikiran tokoh-tokoh berkenaan yang telah memberi impak kepada sosio budaya negara. Di antara tokoh sasterawan yang telah dijemput adalah Anwar Ridhwan (2017), Muhammad Haji Salleh (2017), Ahmad Kamal Abdullah atau Kemala (2018), A. Samad Said (2018), Zurinah Hassan (2019), Siti Zainon Ismail (2021) dan Baharuddin Zainal (2022). Fokus utama program ini diadakan adalah bagi menyebarkan luas keunikan dan keistimewaan hasil karya tokoh sastera dan budayawan khususnya mereka yang telah mendapat pengiktirafan sebagai Sasterawan Negara. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan terutama daripada pencinta sastera.

**iii. Penerbitan katalog beranotasi**

Penerbitan katalog adalah salah satu kaedah yang dapat memberi manfaat kepada organisasi. Ini adalah kerana ia sekaligus dapat mewujudkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada pengguna untuk merujuk koleksi yang terdapat di perpustakaan. PNM telah mengambil langkah yang proaktif dengan menerbitkan katalog beranotasi Koleksi Nadir dan Peribadi sejak tahun 2006. Tujuan utama penerbitan katalog beranotasi ini adalah bagi memberi akses maklumat dan membolehkan pengguna mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai kandungan sesuatu bahan yang merupakan warisan intelektual negara.

**iv. Pameran**

Pameran bukan sahaja dipamerkan di dalam PNM malah ia turut diadakan di luar jabatan. Sebelum wabak COVID-19 melanda negara, PNM giat mempromosikan koleksi dan perkhidmatannya kepada masyarakat di seluruh Malaysia dan antarabangsa. Pameran telah dijalankan di universiti, kolej, sekolah dan agensi kerajaan/swasta. Sebagai contoh, setiap tahun, PNM akan menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Program atau pameran lain yang pernah disertai oleh PNM ialah 84th World Library and Information Congress in Kuala Lumpur (2018), Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (2019), 9th A-LIEP Conference (2019), Library Attack (2020) dan banyak lagi. Ini adalah antara peluang terbesar PNM bagi mempromosikan koleksi kepada komuniti setempat dan global.

## Kesimpulan

Perpustakaan merupakan gedung himpunan kebijaksanaan pemikir masa lalu, masa kini dan masa hadapan. Ini menunjukkan perpustakaan adalah sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara khazanah ilmu yang terdapat di dalamnya. Koleksi ini juga merupakan khazanah ilmu yang berkait rapat dengan politik, ekonomi, agama dan sejarah bagi sesebuah negara yang boleh dijadikan rujukan masa hadapan. Langkah-langkah yang diambil oleh PNM bagi memperkasakan Koleksi Peribadi harus diutamakan kerana koleksi ini merupakan khazanah warisan intelektual yang wajar dipelihara dan dikongsi bersama, bukan sahaja untuk masyarakat tempatan bahkan juga kepada masyarakat global. Selain itu, pembangunan koleksi ini merupakan satu pencapaian peradaban dengan bersemaraknya kreativiti penulisan tokoh tersebut yang telah ditonjolkan dalam pelbagai corak, bentuk dan gaya. Warisan ilmu yang dirakam sama ada secara tersurat atau tersirat dalam pelbagai bidang perkara telah diabadikan dalam setiap karya tokoh-tokoh dan inilah yang menjadikan koleksi tersebut unik dan sangat bernilai. Promosi perkhidmatan secara terancang dapat menghubungkan pengguna dengan maklumat yang dikehendaki sekaligus ia dapat mengembangkan lagi keunikan Koleksi Peribadi yang terdapat di PNM. Usaha PNM yang berterusan dalam memperkasa koleksi ini dapat membangkitkan minat masyarakat terhadap hasil karya tokoh sebagai warisan intelek dan agar karya ini tidak dipinggirkan serta dipandang sepi.

## Rujukan

- Ejiroghene, E. (2020). *Preservation and conservation of library materials in the digital age: Challenges for libraries in Nigeria*. Library Philosophy and Practice. <https://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/5090>
- IFLA Core Programme on Preservation and Conservation (PAC) et al. (1999). IFLA Principles for the Care and Handling of Library Material. *International Preservation Issues* (1). <https://repository.ifla.org/handle/123456789/1183>
- Jasreena Jamil, Adam Zulkarnain Saleng and Ima Eryanty Abdul Manaf (2021). Pengenalan kepada koleksi Malaysiana Perpustakaan Negara Malaysia. *Sekitar Perpustakaan* 52/2021. <https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/SekitarPerpustakaanBil.52%202021.pdf>
- Joly, B.M., Williamson, M.E., Bernard, K.P., Mittal, P. and Pratt, J. (2012). Evaluating Community Outreach Efforts: A Framework and Approach Based on a National Mental Health Demonstration Project. *Journal of Multi-Disciplinary Evaluation*, 8(17): 46 – 56.
- Kilmarx et al (2020). Competency guidelines for rare books and special collections professionals. <https://repository.ifla.org/handle/123456789/1382>
- Li, Shuqing, Jiao, Fusen, Yong, Zhang and Xia, Xu (2019). Problems and Changes in Digital Libraries in the Age of Big Data from the Perspective of User Services. *The Journal of Academic Librarianship*, 45(1): 22-30.
- Malaysian Administrative Modernisation Management Planning Unit (2021). *Perkhidmatan Digital Keseluruhan Kerajaan*. <https://www.malaysia.gov.my/portal/subcategory/230?language=my>
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2012). Dasar Koleksi Khas.

- Perpustakaan Negara Malaysia (2019). Koleksi Peribadi. <https://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/99>
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2020). Garis Panduan Penilaian Koleksi Peribadi dan Bahan Nadir.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2020a). Koleksi Peribadi - A. Samad Said. [https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Koleksi/Koleksi%20Peribadi/A.SAMADSAID\\_.pdf](https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Koleksi/Koleksi%20Peribadi/A.SAMADSAID_.pdf)
- Perpustakaan Negara Malaysia (2020b). Koleksi Peribadi - Abdul Rahman Al-Ahmadi. <https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Koleksi/Koleksi%20Peribadi/ABDULRAHMANAL-AHMADI.pdf>
- Perpustakaan Negara Malaysia (2020c). Koleksi Peribadi - John Bastin. <https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Koleksi/Koleksi%20Peribadi/JOHNBASTIN.pdf>
- Prochaska, A. (2009). Digital special collections: The big picture. *RBM: A journal of rare books, manuscripts and cultural heritage* 10(1). <http://dx.doi.org/10.5860/rbm.10.1.313>
- Walker, A. (2013). Basic preservation for library and archives collections. <http://www.bl.uk/blpac/publicationsleaf.html>.

# KHAZANAH ILMU YANG TIDAK TERNILAI: KOLEKSI NADIR PERPUSTAKAAN NEGARA

Junaidah Rosliy  
Penolong Pengarah  
Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa  
Perpustakaan Negara Malaysia  
junaidah@pnm.gov.my

---

## Abstrak

Selaras dengan fungsi penubuhan Perpustakaan Negara yang termaktub dalam Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) berperanan sebagai Pusat Kecemerlangan Malaysiana yang penting di negara ini. Sehubungan itu, PNM bertanggungjawab dalam usaha mengumpul, mendokumentasi dan memelihara khazanah ilmu yang mencakupi pelbagai bidang dan merentasi pelbagai disiplin ilmu terutamanya berkaitan dengan sejarah, warisan, seni dan budaya masyarakat Malaysia yang mencerminkan perspektif intelektual dan pemikiran seseorang individu atau masyarakat serta rakam peristiwa penting yang berlaku di Malaysia. PNM mula melaksanakan usaha pengumpulan dan pemuliharaan khazanah warisan ilmu yang amat bernilai antaranya koleksi nadir bermula sejak awal tahun 1970an lagi bagi memastikan ilmu yang terakam di dalam karya-karya tersebut tidak musnah dan terbiar begitu sahaja tanpa ada usaha daripada mana-mana pihak. Sehingga tahun 2022, sebanyak 4,240 naskah bahan nadir telah pun diperolehi dan diletakkan sebagai salah satu koleksi Malaysiana yang amat bernilai di PNM. Artikel ini memberikan gambaran keseluruhan mengenai koleksi nadir di PNM merangkumi definisi koleksi nadir, kepelbagaian jenis koleksi nadir yang bernilai serta usaha PNM dalam membangun dan mempromosi koleksi nadir kepada seluruh rakyat Malaysia.

**Kata kunci:** Koleksi Nadir, Khazanah ilmu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).



## Pengenalan

PNM mula membangunkan Koleksi Khas pada tahun 1972 bermula dengan Koleksi Nadir dan diikuti dengan Koleksi Peribadi pada tahun 1994. Selain daripada itu, PNM juga membangunkan Koleksi Fana atau ephemeral (brosur, setem, sampul surat hari pertama, poskad, poster, lencana dan lain-lain pada tahun 1995, manakala Koleksi Arkib PNM dibangunkan pada tahun 1996 dan diletakkan di bawah pengurusan Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, PNM. Koleksi Nadir merupakan sumber perpustakaan yang unik dan bernilai dari kategori Koleksi Khas yang terdapat di PNM.

Pada awal pembangunan koleksi nadir di PNM, Puan Saonah Shairi (2005) memaklumkan bahawa kebanyakan bahan yang diterima adalah daripada Dorothy Nixon seorang pustakawan di Kuala Lumpur Book Club dan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London yang merupakan koleksi dari perpustakaan The Malayan Information Agency di Malaya House, Trafalgar Square, London.

Sehingga kini, sejarah dan geografi merupakan bidang perkara yang terbesar dalam koleksi nadir PNM dan diikuti oleh bahasa dan sastera.

## Definisi Koleksi Nadir

Antara kepentingan koleksi nadir adalah seperti berikut:

- (a) Nilai sejarah yang mencerminkan ketamadunan negara bangsa serta pemikiran masyarakat zaman tersebut;
- (b) Menyumbang kepada khazanah warisan ilmu bagi sesuatu bangsa dan negara;
- (c) Melengkapkan bahan-bahan sejarah negara; dan
- (d) Bahan kajian dan penyelidikan mengenai bangsa dan negara.

Merujuk Yazid Ibrahim (2017), buku nadir dan manuskrip Melayu banyak merekodkan maklumat sejarah negara dan dianggap sebagai warisan negara yang perlu dipelihara dan dipulihara sebaiknya.

## Koleksi Nadir Terawal Dan Bernilai

Koleksi nadir mengandungi sumber ilmu dalam bentuk buku, risalah, gambar dan sebagainya yang terdiri daripada pelbagai bidang perkara. Antara koleksi nadir yang tertua dan bernilai di PNM ialah:

### i. Dictionarivm Malaico – Latinvm & Latino – Malaicvm

Tempat Terbit	: Davidis Haex. Rome: Typis & impensis Sac.
Tahun terbit	: 1631
Pengarang	: Haex, Davidis, approximately 1597
No. Panggilan	: 499.23371 HAE MN

Kamus berusia 391 tahun ini merupakan kamus dwibahasa tertua di PNM yang memuatkan terjemahan Bahasa Melayu ke Bahasa Latin dan Bahasa Latin ke Bahasa Melayu. Sebanyak 1,805 entri Bahasa Melayu dan 3,639 entri Bahasa Latin telah dimuat dalam buku ini oleh penyusunnya iaitu Davidis Haex. Penerbitan kamus ini merupakan pembuktian Bahasa Melayu sebagai lingua franca di Nusantara pada ketika itu.

ii. Voyages and descriptions

Tempat terbit : London: Printed for James Knapton  
 Tahun terbit : 1700  
 Pengarang : Dampier, William, 1652-1715  
 No. Panggilan : 910.4 DAM N

Buku berusia 321 tahun ini merupakan koleksi nadir kedua tertua yang terdapat di PNM yang mengisahkan pengalaman Kapten William Dampier, seorang pelayar Inggeris mengenai sejarah masyarakat setempat, bahasa dan perdagangan sepanjang pelayaran beliau di seluruh dunia. Kedudukan negeri Melaka sebagai pusat perdagangan yang terkenal turut diceritakan dalam buku ini beserta beberapa lembaran peta Selat Melaka, Teluk Campeachy, Atlantik dan Lautan Hindi dan Lautan Utara.

iii. Elkitab, ija itu, segala surat perdjandjian lama dan baharuw: atas titah segala tuwan pemarentah Kompanija tersalin kapada Bahasa Malajuw.

Tempat terbit : Amsterdan : R & Dj. Wet istejn, Penara Kompanija  
 Tahun terbit : 1773  
 No. Panggilan : 220.59923 BIB MN

Kitab yang mempunyai ketebalan 1,590 muka surat dan ditulis menggunakan bahasa Melayu klasik ini diterbitkan pada tahun 1773. Mengandungi surat-surat perjanjian lama yang menjadi bukti bertulis penting lagi signifikan dengan pengantarabangsaan bahasa Melayu sejak 500 tahun dahulu.

iv. A Short Account of the Prince of Wales or Pulo Penang In The East Indies

Tempat terbit : London: John Stockdale  
 Tahun terbit : 1788  
 Pengarang : Trapaud, Elisha  
 No. Panggilan : 959.5113 TRA MN

Buku oleh Francis Light ini menceritakan tentang sejarah awal pembukaan Pulau Pinang yang dikenali sebagai "Prince of Wales".

v. The golden chersonese and the way thither

Tempat terbit : London: John Murray,  
 Tahun terbit : 1883  
 Pengarang : Bird, Isabella L. 1831-1904  
 No. Panggilan : 591.959521 WHI ff MN

Penulis merupakan salah seorang pengembara wanita British yang terkenal. Buku ini memberikan gambaran jelas penulis mengenai Semenanjung Tanah Melayu yang turut dikenali sebagai 'The Golden Chersonese' pada ketika itu. Selain menceritakan mengenai perjalanan dan pengembaraannya di Tanah Melayu seperti gaya hidup penduduk setempat, budaya, landskap dan hidupan liar. Selain itu, penulis juga memuatkan beberapa ilustrasi bergambar dan lembaran peta Tanah Melayu.

#### vi. Exploration of Mount Kina Balu, North Borneo

Tempat terbit : London: Gurney & Jackson  
Tahun terbit : 1893  
Pengarang : Whitehead, John, 1860-1899  
No. Panggilan : 591.959521 WHI ff MN

Penulis merupakan seorang penjelajah, naturalis dan pengumpul spesimen burung berbangsa Inggeris. Beliau telah menghabiskan masa hampir empat tahun di Kinabalu untuk mengumpul maklumat mengenai sejumlah besar spesies baharu mamalia, burung, reptilia dan serangga di Gunung Kinabalu. Buku ini turut mengandungi pelbagai ilustrasi berwarna yang menggambarkan kepelbagaian spesies burung, tempat dan masyarakat setempat yang dijumpai oleh beliau sepanjang pengembaraan tersebut.

## Pembangunan Koleksi

PNM sentiasa bergerak aktif dalam pembangunan koleksi nadir secara menyeluruh yang merangkumi aktiviti pengesanan, penilaian dan pemilihan, perolehan, pendokumentasian, perkhidmatan rujukan dan penyelidikan, penyelenggaraan dan pemuliharaan serta promosi bagi tujuan penjana ilmu supaya ilmu yang terakam di dalamnya dapat dilestari dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia secara khasnya. Pelbagai strategi dilaksanakan bagi memantapkan koleksi nadir sekaligus menggalakkan penggunaannya dalam kalangan pengguna perpustakaan. Strategi adalah seperti berikut:

### i. Pengesanan

Pengesanan merupakan aktiviti mengenal pasti pelbagai sumber perpustakaan yang boleh dijadikan sebagai koleksi PNM dengan berpandukan dasar dan peraturan PNM yang sedang berkuat kuasa bagi memastikan PNM mendapat sumber yang berkualiti untuk kegunaan pengguna.

Unit Koleksi Khas, Bahagian Pembangunan Koleksi merupakan unit yang bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengesanan koleksi nadir secara berterusan dan terancang dari semasa ke semasa dengan kerjasama dari pelbagai pihak sama ada orang perseorangan, penerbit institusi atau organisasi dari dalam dan luar negara. Kaedah perolehan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Melihat katalog penerbit serta naskhah contoh daripada pembekal, penerbit dan pengarang;
- ii. Melayari laman sesawang atau media sosial yang menjual buku-buku lama seperti <https://www.carousell.com.my>, <https://www.abebooks.com> dan <https://www.abaa.org>;
- iii. Jalinan kerjasama dengan rakan program pertukaran bahan perpustakaan dalam dan luar negara;
- iv. Lawatan di kedai-kedai buku, pesta buku atau rumah tokoh-tokoh seperti sasterawan negara, ahli akademik, ahli politik dan sebagainya. Antara tempat yang popular menjual buku-buku lama adalah seperti di Bazaar Chowrasta, Pulau Pinang, surau-sarau lama dan sekolah-sekolah pondok di seluruh Malaysia.
- v. Cadangan daripada Pengurusan Jabatan, Bahagian Perkhidmatan atau pengguna perpustakaan; dan
- vi. Pelaksanaan program keilmuan yang memfokuskan mengenai perbukuan seperti persidangan, wacana, pelancaran buku, demonstrasi produk dan sebagainya.

## ii. Pemilihan dan Penilaian

Pemilihan dan penilaian koleksi nadir adalah berdasarkan Ahli Jawatankuasa Penilaian Harga Koleksi Khas PNM yang terdiri daripada pegawai Pengurusan dan Profesional (PnP) iaitu Pengarah, Timbalan Pengarah dan Penolong Pengarah yang berpengalaman. Pelantikan dan bidang tugas jawatankuasa adalah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh PNM. Di samping itu juga, PNM juga boleh melantik mana-mana pegawai bawah agensi MOTAC untuk membantu membuat penilaian koleksi nadir sekiranya diperlukan. Mesyuarat Penilaian bersidang secara berkala dan tertutup bagi menilai koleksi nadir sebelum dibuat perolehan.

Kriteria penilaian dan pemilihan koleksi adalah berdasarkan beberapa kriteria antaranya isi kandungan, tahun penerbitan, nilai pasaran, kepentingan sejarah, edisi, kaedah percetakan dan penjilidan serta mengikut pekeliling dan garis panduan yang berkuat kuasa.

## iii. Perolehan

Perolehan koleksi nadir dilaksanakan melalui pelbagai cara antaranya seperti berikut:

### i. Bahan hadiah

Koleksi nadir yang diperolehi secara percuma dari institusi, pertubuhan/organisasi, perpustakaan dalam dan luar negara, kedutaan asing atau orang perseorangan seperti para akademik, penyelidik, pelajar dan sebagainya yang dikenal pasti mempunyai koleksi nadir yang bernilai untuk dijadikan sebagai sumber rujukan. Kebanyakan orang perseorangan yang menyerahkan koleksi kepada PNM kerana mereka khuatir koleksi akan rosak dan tidak dapat digunakan lagi sekiranya disimpan di rumah.

### ii. Bahan pertukaran

Koleksi nadir juga diperolehi melalui program pertukaran bahan terbitan PNM atau/dan penerbitan rasmi kerajaan yang lain. Proses pertukaran dilaksanakan tanpa mengambil kira keseimbangan harga atau bilangan naskhah bahan tetapi yang utama adalah memberi pulangan yang baik kepada perpustakaan dan negara.

### iii. Pembelian

Setiap tahun, PNM menyediakan peruntukan khas untuk perolehan koleksi nadir secara pembelian melalui kaedah perolehan terus dengan mematuhi tatacara kewangan dan Dasar Perolehan Bahan Perpustakaan yang sedang berkuat kuasa. Cadangan penetapan kadar harga bagi setiap koleksi nadir yang ditawarkan kepada PNM adalah berdasarkan Garis Panduan Perolehan Koleksi Peribadi dan Bahan Nadir.

Selain itu, PNM juga sentiasa mempelawa seluruh rakyat Malaysia untuk memberi pandangan dan cadangan pembelian bahan perpustakaan seperti buku, jurnal dan lain-lain bagi bahan bacaan yang tiada dalam koleksi perpustakaan dengan melengkapkan borang cadangan pembelian bahan perpustakaan yang boleh diakses melalui laman sesawang PNM. Cadangan seluruh rakyat Malaysia amat dihargai bagi memperkayakan sumber maklumat perpustakaan

#### iv. Pendokumentasian

Pengkatalogan Bahan Koleksi Khas PNM adalah mengikut Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan berpandukan standard yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pendokumentasian merangkumi proses pengkatalogan, pengkelasan, pengindeksan dan pembinaan metadata bagi memudahkan penggunaan dan pengesanan kembali bahan perpustakaan menggunakan standard berikut:

- i. Pengkatalogan menggunakan standard baru Resource Description and Access (RDA) yang menggantikan Anglo American Cataloging Rules (AACR);
- ii. Pemilihan tajuk perkara diberikan berdasarkan Library of Congress Subject Headings; dan
- iii. Pengkelasan bahan menggunakan Sistem Pengkelasan Dewey (DDC) iaitu satu sistem klasifikasi bahan perpustakaan yang terdiri daripada sepuluh bidang perkara utama seperti berikut:

000 Karya am	500 Sains Tulen
100 Falsafah & Psikologi	600 Teknologi
200 Agama	700 Kesenian
300 Sains Kemasyarakatan	800 Kesusasteraan
400 Bahasa	900 Geografi & Sejarah

Contoh nombor rujukan koleksi nadir adalah seperti berikut:

959.5 BRI MN (Malaysia Nadir)  
630.950 LEW N (Nadir)

#### v. Pemeliharaan dan Pemuliharaan

Pemeliharaan dan pemuliharaan merupakan aktiviti memastikan koleksi berada dalam keadaan yang baik dan selamat bagi ketersediaan koleksi perpustakaan sebagai sumber rujukan. Kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilaksanakan adalah mengikut Dasar Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Perpustakaan Bahan Perpustakaan dan piawaian yang diiktiraf antarabangsa.

PNM melalui Bahagian Pemuliharaan sentiasa melaksanakan aktiviti penyelenggaraan dan pemuliharaan koleksi nadir dari semasa ke semasa agar bahan-bahan berada dalam keadaan baik apabila digunakan dan seterusnya dapat memanjangkan jangka hayat untuk kegunaan masa kini dan akan datang. Aktiviti pemuliharaan merangkumi aktiviti pengawetan, penjilidan, penyimpanan serta aktiviti penukaran format dari bahan bercetak ke dalam bentuk digital.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi nadir adalah seperti berikut:

- i. Memastikan penyelenggaraan ke atas sumber perpustakaan dijalankan sepanjang masa dan pemeriksaan rambang dijalankan empat (4) kali setahun;
- ii. Menyediakan kemudahan pendingin udara, humidifier dan alat penyedut habuk yang berfungsi 24 jam bagi memastikan ruang simpanan mempunyai bacaan kelembapan dan suhu yang konsisten iaitu 21-23 C dan 50% -60% RH dan memenuhi standard MS ISO 9001;

- iii. Memastikan penggunaan cahaya lampu yang tidak panas dan bebas dari cahaya ultra ungu;
- iv. Menentukan persekitaran bebas dari makhluk dan agen perosak seperti serangga, kulat, anai-anai dan lain-lain;
- v. Memastikan amalan pengendalian sumber perpustakaan yang cermat; dan
- vi. Menyediakan garis panduan pengendalian sumber perpustakaan.

## vi. Pendigitalan

Pendigitalan telah dijadikan aktiviti utama dan turut dimasukkan di dalam Pelan Strategik MOTAC 2021-2025, Teras 3 iaitu Mengukuhkan Kandungan Digital dan Data Perpustakaan. Pendigitalan merupakan proses menukar format sumber ilmu dan maklumat dalam bentuk bercetak/analog (sama ada teks, audio, video, grafik, dsb.) kepada bentuk digital supaya ianya dapat disimpan, mudah dikesan dan diedarkan secara elektronik.

Sebagai usaha untuk menambah kandungan digital tempatan untuk capaian oleh komuniti maya secara percuma, PNM sentiasa giat melaksanakan aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan secara rutin di perpustakaan. Pengurusan aktiviti pendigitalan dipusatkan di Bahagian Kandungan Digital dan ditugaskan kepada kakitangan perpustakaan atau kontraktor yang dilantik bergantung kepada keperluan projek ataupun dibuat secara khidmat luar mengikut keadaan tertentu dengan mematuhi garis panduan dan prosedur yang termaktub dalam Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan.

Sehingga 2021, PNM telah mendigitalkan lebih 3.9 juta muka surat kandungan tempatan merangkumi bahan-bahan seperti Manuskrip Melayu, Buku Nadir dan Koleksi Negara. Jumlah pendigitalan koleksi nadir adalah sebanyak 3,587 judul dan 736,411 muka surat.

## vii. Rujukan dan Penyelidikan

Sebagai Pusat Kecemerlangan Malaysiana, usaha menyediakan akses kepada khazanah warisan ilmu merupakan teras utama perkhidmatan yang disediakan oleh PNM.

Koleksi nadir boleh dirujuk dengan kebenaran di Perkhidmatan Rujukan Malaysiana, Aras 10, Menara PNM. Namun begitu, pengguna perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan koleksi nadir dikendalikan sebaiknya. Peraturan tersebut ialah:

- i. Pengguna perlu menjadi ahli berdaftar PNM;
- ii. Pencarian bahan dilakukan menggunakan Sistem Pencarian Dalam Talian (OPAC) yang boleh diakses melalui laman sesawang PNM di pautan [pnm.gov.my](http://pnm.gov.my);
- iii. Permohonan bahan perlu melalui borang khas iaitu 'Borang Permohonan Koleksi Khas dan perlu kelulusan pegawai PNM yang bertanggungjawab; dan
- iv. Penyelidik yang membuat penyelidikan mengenai koleksi khas perlu menyertakan surat rasmi dari Jabatan/Organisasi/Insituti dan menyerahkan salinan laporan kepada PNM.

Kebiasaannya koleksi nadir hanya dirujuk oleh penyelidik atau orang tertentu yang kebanyakannya mempunyai minat terhadap sejarah. Namun begitu, bagi memperluaskan akses koleksi nadir kepada masyarakat Malaysia, pengguna perpustakaan juga boleh



mengakses koleksi nadir secara digital melalui sistem MyRepositori yang telah dibangunkan di bawah projek Pembangunan u-Pustaka Sebagai Hab Maklumat Negara bermula Disember 2019.

## PROMOSI

Promosi memberi kesan kepada persepsi pihak berkepentingan dan masyarakat mengenai fungsi perpustakaan. Usaha mempromosi koleksi nadir dijalankan secara berterusan oleh PNM dalam usaha menggalakkan penggunaan bahan-bahan ini dalam kalangan rakyat Malaysia bagi memastikan ilmu yang terakam dapat dimanfaatkan sepenuhnya kerana masih ramai yang tidak menyedari kewujudan dan nilai koleksi istimewa tersebut. Antara aktiviti promosi yang telah dilakukan PNM seperti berikut:

### i. Penerbitan

Menerbitkan katalog beranotasi yang menyenaraikan sinopsis koleksi nadir terpilih dari pelbagai bidang perkara dalam bahasa Melayu. Katalog memaparkan kulit buku dan beberapa helaian isi kandungan buku serta ilustrasi menarik untuk menarik minat pembaca. Sehingga kini sebanyak empat (4) katalog beranotasi telah diterbitkan seperti berikut:



Rajah 1: Katalog Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi

### ii. Bahan promosi

Menerbitkan brosur, poster dan pelbagai cenderahati koleksi nadir seperti poskad, buku nota, poster dan penanda buku yang memaparkan keunikan dan keindahan koleksi nadir sama ada dari segi fizikal atau kandungan buku. Bahan promosi seperti berikut:



Rajah 2: Bahan Promosi Koleksi Nadir



### iii. Program/aktiviti

Pelaksanaan program/aktiviti seperti seminar, forum, wacana, pertandingan dan seumpamanya merupakan salah satu usaha PNM dalam mempromosikan koleksi nadir. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Kalam Karyawan dan Bicara Koleksi Nadir dengan melibatkan penglibatan sasterawan negara, sejarawan, para akademik dan penjawat awam sebagai pembicara atau ahli panel. Sepanjang program, tokoh jemputan memfokuskan mengenai keunikan dan keistimewaan koleksi nadir dan hasil karya mengikut tema yang diberi serta menceritakan pengalaman dalam menghasilkan karya yang memberi impak kepada pembangunan negara bangsa.



Rajah 3: Program Keilmuan Koleksi Nadir

### iv. Internet dan Media Massa

Zaman teknologi terkini telah mengubah corak komunikasi, bekerja dan berfikir ke arah yang lebih mudah, kreatif dan inovatif. Fenomena ini telah menuntut perpustakaan untuk memperluaskan kaedah promosi perkhidmatan mereka kepada media baharu. PNM melalui Jawatankuasa Media Sosial PNM dan Jawankuasa PNM TV Channel telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif mempromosikan koleksi perpustakaan dengan menggunakan kaedah-kaedah terkini sama ada menerusi laman sesawang rasmi PNM, media cetak dan media elektronik serta kini popular dengan media baharu iaitu Facebook, Twitter, Youtube (PNM TV Channel) dan Tik Tok. Dengan penggunaan media sosial secara menyeluruh, perpustakaan menjadi lebih popular, imej semakin bertambah baik dan pengguna menjadi semakin ramai.



Rajah 4: Keratan akhbar koleksi nadir



Rajah 5: Hantaran koleksi nadir di media sosial PNM

## v. Pameran

Pameran merupakan platform terbaik dalam usaha mempromosi sumber perpustakaan kepada orang ramai. Setiap tahun, PNM sentiasa menerima lawatan daripada institusi pengajian tinggi, sekolah, agensi kerajaan, badan swasta, badan berkanun, persatuan, pelancong dari dalam dan luar negeri, kedutaan asing dan sebagainya. Bagi menggalakkan lebih ramai pelawat datang ke PNM, Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara turut mengambil langkah proaktif dengan membangunkan pameran mini koleksi nadir di Aras 10, Menara PNM secara berterusan. Lawatan ke pameran lebih bermakna dengan penerangan secara lebih terperinci oleh pegawai PNM yang berpengalaman bagi menambah kefahaman kepada pengunjung yang hadir.

Selain pameran secara dalaman, PNM juga diberi peluang untuk turut serta dalam melaksanakan pameran di luar jabatan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak. PNM telah melaksanakan pameran bergerak di IPTA, agensi kerajaan, badan berkanun serta tempat-tempat awam seperti Pasar Seni Kuala Lumpur sempena Karnival Cuti Sekolah dan Pusat Perumahan Rakyat (PPR). Antara pengisian aktiviti sepanjang pameran adalah seperti taklimat nadir, tayangan video, kuiz, jualan penerbitan PNM dan demonstrasi pemuliharaan Bahan Nadir dan Manuskrip Melayu yang menunjukkan kepelbagaian teknik pemuliharaan bahan berdasarkan standard antarabangsa. Di samping itu, peralatan dan bahan-bahan yang digunakan untuk proses pemuliharaan turut dipamerkan. Antara pameran bertema yang telah dilaksanakan seperti berikut

Bil.	Pameran Nadir Bertema
1.	Pameran Nadir Bertemakan Tanah Melayu
2.	Pameran Nadir bertemakan Bahasa Melayu
3.	Pameran Nadir Bertemakan Borneo
4.	Pameran Nadir Bertemakan Karya Agung
5.	Pameran Nadir Bertemakan Peta
6.	Pameran Nadir Bertemakan Biografi
7.	Pameran Nadir Bertemakan Kemerdekaan
8.	Pameran Nadir Bertemakan Biografi
9.	Pameran Nadir Bertemakan Flora Fauna
10.	Pameran Nadir Bertemakan Hikayat
11.	Pameran Nadir Bertemakan Kuala Lumpur, Melaka, Pulau Pinang
12.	Pameran Nadir Bertemakan Perkamusan dan Syair Melayu

Rajah 6: Senarai Pameran Bertema Koleksi Nadir



Rajah 7: Pameran Koleksi Nadir

## KESIMPULAN

Pengurusan khazanah koleksi negara merupakan tugas penting yang perlu dilaksanakan oleh semua agensi kebudayaan antaranya perpustakaan dan arkib di mana-mana negara. Pelbagai usaha perlu dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan koleksi ini terus kekal terpelihara dan menjadi bahan rujukan terpenting. Antara strategi yang perlu difokuskan adalah penyediaan dana yang mencukupi untuk pengurusan dan penyelenggaraan koleksi secara menyeluruh, menerbitkan katalog koleksi nadir secara berkala dan boleh diakses secara maya, menjalinkan kerjasama erat dengan mana-mana orang perseorangan dan organisasi dalam dan luar negara dari dalam usaha melaksanakan pemuliharaan, pemeliharaan dan pendigitalan koleksi nadir serta membangunkan pangkalan data bersepadu bagi memudahkan akses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Manakala, sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, peranan semua orang adalah menggalakkan sesiapa yang mempunyai bahan nadir menyumbang atau menjual bahan tersebut ke Perpustakaan Negara Malaysia supaya bahan tersebut dapat disimpan dan dipulihara dengan sempurna dan sistematik bagi faedah dan manfaat generasi kini dan akan datang. Walaupun buku lama, namun Yazid Ibrahim (2017) menyatakan nilai koleksi nadir umpama emas yang amat berharga.

## RUJUKAN

- Perpustakaan Negara Malaysia. (2012). *Dasar Koleksi Khas Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (1999). *Dasar Hadiah dan Pertukaran*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (1999). *Dasar Malaysiana*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1999.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2020). *Dasar Pembangunan Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2022). *Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Koleksi Perpustakaan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2010). *Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2018). *Transformasi Minda = Transformation of Mind*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2017). *Jubli Emas Perpustakaan Negara Malaysia (1966-2016): memelihara naskhah, menyebarkan fikrah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2022). *Perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia 2021*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Saonah Shairi. (2005). Pengesanan dan Pemantapan Koleksi Nadir dan Peribadi di Perpustakaan Negara Malaysia. Seminar Koleksi Nadir dan Peribadi. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Yazid Ibrahim. (2017). *Old But Gold: Valuable Source From The Past*. Kuala Lumpur: National Library of Malaysia.

**NOTA/NOTES**

**NOTA/NOTES**

ISSN 0127-1172



**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia

☎ 03-2687 1700 • 📠 03-2694 2490

🌐 [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)



[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)



PerustakaanNegaraMalaysia



PNM\_Rasmi



pnm\_rasmi



pnmytube



PNMrasmi



pnmsaluransosial2



pnm\_rasmi